Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh **Pulau Pinang** pada paras 6.8 peratus (2020: -2.1%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 2.1 peratus (2020: -5.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Selain itu, pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan negeri ini kepada 12.4 peratus berbanding 2.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Pembinaan juga mencatatkan peningkatan 12.9 peratus (2020: -15.5%) dipacu oleh subsektor bangunan bukan kediaman.

Ekonomi **Perak** meningkat 3.5 peratus berbanding penguncupan 2.4 peratus pada tahun 2020. Pertumbuhan 2.4 peratus (2020: -4.0%) yang dicatatkan oleh sektor

Perkhidmatan disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor utiliti, perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh sebanyak 9.2 peratus (2020: 3.5%) disokong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Begitu juga, sektor Pertanian yang berkembang sebanyak 3.1 peratus (2020: 1.0%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

Perlis bertumbuh 1.5 peratus (2020: -6.0%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pertanian. Pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 2.3 peratus (2020: -1.2%) diterajui oleh perkhidmatan kerajaan, subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan meningkat sebanyak 5.4 peratus (2020: -5.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam subsektor prosesan makanan dan produk mineral bukan logam. Namun begitu, sektor Pertanian merosot kepada negatif 6.0 peratus (2020: -18.5%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor tanaman dan perikanan.

Prestasi **Selangor** kembali pulih pada tahun 2021 apabila melonjak kepada 5.0 peratus berbanding penguncupan 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dan kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi di Malaysia. Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 2.2 peratus (2020: -6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, kewangan & insurans, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Sektor Pembuatan mengukuh kepada 13.1 peratus (2020: -0.7%) dipacu oleh lonjakan daripada produk elektrik, elektronik & optikal serta produk petroleum, kimia, getah & plastik. Pertumbuhan positif daripada subsektor tanaman, ternakan dan perikanan pula mendorong kenaikan sektor Pertanian dengan mencatatkan pertumbuhan lebih baik pada



Pertumbuhan mampan daripada produk elektrik, elektronik & optikal melonjakkan sektor Pembuatan Pulau Pinang kepada **12.4%**



Subsektor utiliti dan maklumat & komunikasi di Selangor kekal merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2021

kadar 4.9 peratus (2020: 0.3%). Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan menyusut sebanyak 6.6 peratus (2020: -9.7%) dipengaruhi oleh penurunan dalam subsektor kejuruteraan awam dan pembinaan bangunan.

Terengganu berkembang pada kadar 3.6 peratus (2020: -5.7%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 1.2 peratus (2020: -3.4%) seiring dengan pemulihan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, penurunan dalam subsektor utiliti memperlambatkan prestasi sektor Perkhidmatan Terengganu. Seterusnya, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.5 peratus berbanding penyusutan 9.4 peratus pada tahun 2020 dipacu oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sebaliknya, sektor Pertanian di Terengganu menyusut 5.3 peratus (2020: -3.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit dan getah.

Pemulihan KDNK **Sabah** yang bertumbuh positif 1.1 peratus berbanding penurunan 9.2 peratus didorong oleh peningkatan dalam sektor Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian. Pertumbuhan 1.8 peratus

(2020: -7.3%) yang dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Lonjakan daripada aktiviti gas asli telah mendorong kenaikan sektor Perlombongan & pengkuarian dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus (2020: -12.3%). Namun begitu, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang ketiga ekonomi Sabah mencatatkan penyusutan sebanyak 2.4 peratus (2020: -6.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan pengeluaran buah tandan segar.

Sarawak berkembang sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -6.8%). Sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 2.1 peratus (2020: -5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, maklumat & komunikasi dan utiliti. Peningkatan produk petroleum, kimia, getah & plastik menyumbang kepada pertumbuhan kukuh 11.2 peratus (2020: -8.6%) terhadap sektor Pembuatan. Walau bagaimanapun, sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 3.3 peratus (2020: -4.7%) berikutan kejatuhan dalam pengeluaran gas asli, minyak mentah dan kondensat. Pada masa sama, sektor Pertanian turut mencatatkan penurunan kepada negatif 3.2 peratus (2020: -10.1%) dipengaruhi oleh penyusutan pengeluaran kelapa sawit dan tanaman lain serta aktiviti perhutanan & pembalakan.

Pertumbuhan marginal 0.8 peratus (2020: -7.4%) **W.P. Kuala Lumpur** didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini meningkat kepada 1.6 peratus (2020: -5.8%) disumbangkan oleh peningkatan dalam subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan maklumat & komunikasi. Namun, sektor Pembinaan merosot kepada negatif 12.1 peratus (2020: -26.4%) dipengaruhi oleh nilai kerja pembinaan yang lebih rendah bagi segmen pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam.

W.P. Labuan bertumbuh 0.5 peratus berbanding penyusutan sebanyak 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan lebih baik pada kadar 1.5 peratus berbanding 0.1 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh subsektor kewangan & insurans. Sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus berbanding penurunan 13.6 peratus pada tahun 2020 seiring pemulihan daripada aktiviti perikanan. Sebaliknya, sektor Pembuatan menyusut 1.0 peratus (2020: -1.2%) dipengaruhi oleh subsektor bahan kimia & produk kimia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan sebanyak 81.4 peratus. Penyumbang utama bagi kedua-dua sektor ini dapat dilihat di Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor seperti ditunjukkan pada **Carta 1.25**. Kepelbagaian penumpuan dapat dilihat dalam komposisi aktiviti ekonomi bagi setiap negeri. Struktur ekonomi W.P. Kuala Lumpur ditunjangi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 90.0 peratus diikuti W.P. Labuan (78.5%), Perlis (70.2%), Kelantan (69.2%) dan Perak (61.4%). Sementara itu, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.8%), Pahang (23.5%) dan Perlis (17.4%). Sarawak dan Sabah pula merupakan negeri yang menyumbang kepada sektor Perlombongan & pengkuarian.



KDNK per kapita

Dari perspektif KDNK per kapita, semua negeri merekodkan peningkatan berbanding pada tahun sebelumnya. KDNK per kapita Malaysia meningkat sebanyak RM3,737 iaitu daripada RM43,702 pada tahun 2020 kepada RM47,439 pada tahun 2021 (**Jadual 1.4**).

Lima negeri melepasi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM111,292), W.P. Labuan (RM81,345), Sarawak (RM65,971), Pulau Pinang (RM59,685) dan Selangor (RM51,930).

5 negeri

melepasi paras KDNK per kapita nasional pada tahun 2021

Jadual 1.4 KDNK per kapita mengikut negeri, 2020-2021 pada harga semasa (RM)

Negeri	2020	2021
W.P. Kuala Lumpur*	108,791	111,292
W.P. Labuan	80,393	81,345
Sarawak	55,931	65,971
Pulau Pinang	55,774	59,685
Selangor	48,607	51,930
Melaka	42,861	44,610
Negeri Sembilan	41,254	44,495
Pahang	38,010	41,313
Johor	33,856	36,474
Perak	31,626	34,338
Terengganu	29,462	30,901
Sabah	24,652	29,960
Kedah	22,693	23,575
Perlis	21,099	21,508
Kelantan	14,951	15,584
MALAYSIA	43,702	47,439

*Termasuk W.P. Putrajaya


Jadual 1.5 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	 KDNK 2021
Pulau Pinang	-2.4	-4.1	12.9	12.4	2.1	-5.8	6.8
Selangor	4.9	-3.0	-6.6	13.1	2.2	8.6	5.0
Terengganu	-5.3	3.5	2.5	9.5	1.2	-47.9	3.6
Perak	3.1	-3.4	-6.7	9.2	2.4	-32.0	3.5
Kedah	2.6	-4.5	-8.4	6.2	1.9	30.8	3.2
MALAYSIA	-0.2	0.3	-5.2	9.5	1.9	1.7	3.1
Negeri Sembilan	-0.4	-3.4	-0.3	7.2	2.0	-29.5	3.0
Sarawak	-3.2	-3.3	10.2	11.2	2.1	-8.4	2.9
Johor	0.6	-7.5	-18.0	5.5	2.6	-4.5	2.4
Kelantan	1.0	5.1	1.2	2.1	2.7	39.8	2.4
Melaka	-0.6	-4.4	-9.5	3.3	2.3	-43.1	2.0
Perlis	-6.0	-2.3	0.2	5.4	2.3	89.0	1.5
Sabah	-2.4	2.4	7.9	-1.8	1.8	-11.1	1.1
Pahang	-0.1	-13.5	18.5	6.1	-1.4	-32.5	0.9
WPKL*	..	-3.1	-12.1	4.3	1.6	1.0	0.8
W.P. Labuan	1.3	..	-11.8	-1.0	1.5	-41.3	0.5
SUPRA	..	2.2	..	..	..	..	2.2

* Termasuk W.P. Putrajaya
 .. Tidak berkenaan

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi (%), 2021

Sumbangan peratusan



• **PRESTASI EKONOMI MELAKA**

• **SOSIOEKONOMI MELAKA 2021**

• **PRESTASI EKONOMI MELAKA 2021**

• **PRESTASI MENGIKUT SEKTOR**

- **SEKTOR PERTANIAN**
- **SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN**
- **SEKTOR PEMBINAAN**
- **SEKTOR PEMBUATAN**
- **SEKTOR PERKHIDMATAN**
 - Perdagangan borong dan runcit
 - Utiliti
 - Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
 - Pengangkutan dan penyimpanan
 - Penginapan dan makanan & minuman
 - Perkhidmatan perniagaan
 - Perkhidmatan kesihatan swasta
 - Perkhidmatan pendidikan swasta
 - Perkhidmatan kerajaan

• **KADAR VAKSINASI 2021**

• **PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI**

• **INDEKS HARGA PENGGUNA**

• **RENCANA 2 : PANDEMIK COVID-19 DAN
PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA NEGERI
MELAKA 2021**



BAB 2



SOSIOEKONOMI MELAKA 2021

KDNK:

RM41.8 bilion
↑ **2.0%**



PERKHIDMATAN

RM20.4 b
↑ **2.3%**



PEMBUATAN

RM15.8 b
↑ **3.3%**




PERTANIAN

RM4.6 b
↓ **-0.6%**




PEMBINAAN

RM0.9 b
↓ **-9.5%**



**PERLOMBONGAN
& PENGKUARIAN**

RM0.06 b
↓ **-4.4%**



PETUNJUK
 Pertumbuhan
 Sumbangan kepada KDNK
 b Bilion



INDEKS HARGA PENGGUNA **2.4%** ↑



DEMOGRAFI SOSIAL



KELUASAN KAWASAN **1,712 km²**



JUMLAH PENDUDUK
1.0 juta
52.5%
47.5%



**KADAR KESUBURAN
JUMLAH* 1.7**

Bagi setiap perempuan berumur
15 hingga 49 tahun



JANGKAAN HAYAT
Ketika lahir (tahun)
72.7 78.4



PENDUDUK BEKERJA
0.4 juta



**KADAR PENYERTAAN
TENAGA BURUH**
68.2%



KADAR PENGANGGURAN
2.0%



STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN **RM63.7 bilion**

EKSPORT BARANGAN
RM37.5 bilion

EKSPORT BARANGAN UTAMA
Petroleum bertapis
RM10.4 bilion

IMPORT BARANGAN
RM26.3 bilion


IMPORT BARANGAN UTAMA
Petroleum mentah
RM5.1 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK **3.9 juta**

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Pantai Emas
Klebang



Mahkota
Parade



Dataran
Pahlawan



Taman Botani
Melaka



Pantai
Pengkalang



PENDAPATAN PBT*

- 1** Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah **RM218.8 juta**
- 2** Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya **RM86.9 juta**
- 3** Majlis Perbandaran Alor Gajah **RM50.9 juta**

Nota: KDNK: Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT: Pihak Berkuasa Tempatan
*Data tahun 2020

2.0%Pertumbuhan
ekonomi
Melaka**RM41.8**
bilionNilai **KDNK** pada
tahun **2021**

PRESTASI EKONOMI MELAKA

2021

Negeri Melaka juga dikenali sebagai “Melaka Negeri Bersejarah” kerana keunikan sejarahnya. Negeri ini bersempadankan utara Negeri Sembilan, selatan Negeri Johor dan barat Selat Melaka. Pada 15 April 1989, Melaka diisytiharkan sebagai sebuah bandar bersejarah dan kemudiannya Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menyenaraikannya sebagai Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008. Warisan kebudayaan yang pelbagai serta tradisi Asia dan pengaruh Europe telah menarik ramai pelancong melancong ke negeri ini. Namun begitu, pada tahun 2021, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang melibatkan beberapa negeri termasuk Melaka. Bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri ini, Ketua Menteri Melaka telah membentangkan Belanjawan Negeri Melaka 2021 yang merupakan bajet pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dengan bertemakan Melaka Rumahku: Merancak Ekonomi, Membahagia Rakyat, Menggamit Dunia.

Secara keseluruhan, Melaka telah merekodkan nilai ditambah sebanyak RM41.8 bilion pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya RM41.0 bilion. Melaka memperlihatkan peningkatan pada KDNK yang dicatatkan iaitu pada kadar 2.0 peratus lebih baik dari tahun 2020 (**Carta 2.1**).

Dari segi perspektif komposisi ekonomi Melaka pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama ekonomi Melaka dengan sumbangan sebanyak 48.8 peratus daripada jumlah keseluruhan KDNK negeri (**Carta 2.2**). Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian yang telah merekodkan sumbangan masing-masing sebanyak 37.9 peratus dan 10.9 peratus. Sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 2.1 peratus kepada KDNK Melaka manakala sebanyak 0.1 peratus telah disumbangkan oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian.

Berdasarkan prestasi ekonomi negeri, sektor Perkhidmatan dan sektor Pembuatan, masing-masing bertumbuh 2.3 peratus dan 3.3 peratus. Sektor Pembinaan dan Sektor Perlombongan dan pengkuarian sebaliknya mencatatkan kemerosotan masing-masing sebanyak 9.5 peratus dan 4.4 peratus. Sektor Pertanian juga menyusut sebanyak 0.6 peratus (**Carta 2.3**).


Sektor Perkhidmatan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM20.4 bilion dan menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3 peratus berbanding negatif 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan prestasi ini dipacu oleh subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Bagi subsektor yang berkait pelancongan iaitu perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan, masih menyusut marginal negatif (-0.03%) berbanding 2020. Menyedari impak COVID-19 kepada industri ini, beberapa inisiatif telah diambil oleh kerajaan negeri, antaranya ialah dengan meluaskan capaian promosi destinasi Melaka yang berkonsepkan digital. Selain itu, kerajaan negeri telah mengenal pasti 12 tempat yang mampu untuk menarik perhatian pelancong antaranya Makam Datuk Patinggi Abang Abdul Gapur, Limbongan, Kapal Mendam Berahi, Sungai Melaka, Sungai Duyong River Cruise, Duyong, Jebat Street, Dataran Klebang, Kompleks Pelancongan Klebang dan lain-lain.

Seterusnya, sektor Pembuatan merupakan salah satu sektor utama ekonomi Melaka. Sektor ini menunjukkan prestasi yang baik dengan kadar pertumbuhan 3.3 peratus berbanding negatif 8.5 peratus pada tahun 2020 dan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM15.8 bilion (2020: RM15.3 bilion). Peningkatan ini didorong oleh produk petroleum, kimia, getah & plastik dan produk elektrik, elektronik & optikal. Kerajaan negeri telah mengambil langkah serius bagi merencanakan semula pelaburan dalam sektor ini dan telah mengenalpasti pelabur-pelabur yang berpotensi untuk melabur dengan nilai sasaran RM5 bilion setiap tahun dalam sektor Pembuatan.


Sektor Pertanian menyusut sebanyak 0.6 peratus (2020: 3.4%) dengan nilai ditambah RM4.6 bilion pada tahun 2021. Penyusutan ini adalah berikutan oleh kemerosotan dalam pengeluaran kelapa sawit, tanaman sayuran dan buah-buahan. Bagi merencanakan semula

Carta 2.1

Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Melaka, 2015-2021

**Carta 2.2**


Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Melaka, 2021



Tidak termasuk duti import


Carta 2.3

Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Melaka, 2020-2021



Paparan 2.1

Nilai ditambah mengikut sektor utama Melaka, 2021



prestasi sektor ini, kerajaan negeri akan meningkatkan peruntukan lebih RM1.9 juta. Kerajaan Melaka juga mensasarkan individu atau komuniti untuk meneruskan program Kebun Kejiranan atau kebuniti sama ada di pinggir bandar ataupun bandar.

Sektor Pembinaan mula memulih pada kadar negatif yang lebih rendah 9.5 peratus berbanding kejatuhan dua digit 26.9 peratus pada tahun sebelumnya dengan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM897 juta. Subsektor pembinaan bangunan kediaman dengan sumbangan sebanyak 33.6 peratus telah mendorong kepada pemulihan sektor ini.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian juga memulih kepada negatif 4.4 peratus (2020: -12.7%) didorong oleh aktiviti pengkuarian granit, pasir dan pemecahan batu. Nilai ditambah yang dicatatkan dalam sektor ini ialah RM57 juta berbanding RM59 juta pada tahun 2020.

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian memainkan peranan yang penting dalam ekonomi sesebuah negeri melalui sumbangannya kepada hasil negeri, perolehan eksport serta mewujudkan peluang pekerjaan. Sektor ini adalah pembekal utama makanan dan juga bahan mentah untuk industri berasaskan sumber. Pada tahun 2021, sektor Pertanian di Melaka mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM4.6 bilion sama seperti yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan penurunan marginal negatif 0.6 peratus setelah bertumbuh 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Namun sektor ini dilihat telah melebihi paras pra-pandemik 2019 iaitu 2.9 peratus. Sektor pertanian menyumbang 10.9 peratus kepada keseluruhan KDNK Melaka.

Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama sektor Pertanian di Melaka dengan sumbangan sebanyak 57.4 peratus, manakala subsektor ternakan dengan 40.9 peratus. Kedua-dua subsektor ini secara kumulatif telah menyumbang 98.3 peratus kepada sektor Pertanian di Melaka. Penguncupan sektor ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor tanaman sebanyak 2.9 peratus seperti yang dipaparkan pada (Carta 2.4). Namun, peningkatan 2.8 peratus dalam subsektor ternakan telah mengurangkan kesan kejatuhan tersebut.

Subsektor tanaman mencatatkan negatif 2.9 peratus (2020: 4.1%) dipengaruhi oleh

penyusutan dalam aktiviti tanaman sayur, di mana aktiviti ini penyumbang hampir separuh kepada subsektor tanaman di Melaka. Antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan penurunan pada tahun 2021 adalah tanaman sawi, kacang panjang dan bendi. Aktiviti tanaman buah-buahan juga mencatatkan penyusutan dua angka pada tahun 2021 dipengaruhi oleh durian, betik, buah naga, pisang dan jambu batu.

Sementara itu, subsektor ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Melaka telah meningkat 2.8 peratus berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan subsektor ini telah disokong oleh aktiviti pengeluaran telur ayam serta peningkatan dalam aktiviti ternakan ayam & itik.

“ RM4.6 bilion nilai ditambah dan **10.9 peratus** sumbangan **sektor Pertanian Melaka** pada tahun 2021 **”**



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Melaka mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM56.7 juta berbanding RM59.3 juta pada tahun 2020. Sumbangan sektor ini adalah 0.1 peratus kepada KDNK Melaka.

Pada tahun 2021, sektor ini menyusut 4.4 peratus (2020: -12.7%) seperti pada (Carta 2.5). Penurunan ini dipengaruhi oleh aktiviti pengkuarian granit, pasir dan pemecahan batu.

“**RM56.7 juta** nilai ditambah sektor Perlombongan dan pengkuarian Melaka pada tahun 2021”

SEKTOR PEMBINAAN

Melaka merekodkan nilai ditambah sebanyak RM897.4 juta dalam sektor Pembinaan pada tahun 2021. Nilai tersebut menyusut daripada RM991.9 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor pembinaan menyumbang sebanyak 2.1 peratus kepada keseluruhan ekonomi Melaka.

Sektor Pembinaan mencatatkan penyusutan yang lebih kecil 9.5 peratus (2020: -26.9%). Antara segmen yang mempengaruhi pertumbuhan tersebut adalah prestasi negatif dalam segmen kejuruteraan awam yang menyumbang sebanyak 24.7 peratus seperti pada (Paparan 2.2).

Selain itu, segmen bangunan kediaman yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembinaan Melaka turut merekodkan pertumbuhan negatif dua angka pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, subsektor bangunan bukan kediaman yang menyumbang sebanyak 21.7 peratus mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan berbanding kemerosotan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.


Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Melaka:

- ◆ Projek pembangunan perniagaan, Hotel & Kondotel, Pekan Klebang;
- ◆ Projek *Combined Cycle Gas Turbine Power Plant*, Alor Gajah;
- ◆ *Engineering, Procurement, Construction Commissioning (EPCC) for sulphur recovery unit train*;
- ◆ Pembinaan *Inferion Tower*, Melaka Tengah; dan
- ◆ Projek pembangunan bercampur, ruang perniagaan & pangsapuri.

Paparan 2.2

Komposisi sektor Pembinaan, Melaka, 2021



“**RM897.4 juta** nilai ditambah sektor Pembinaan Melaka pada tahun 2021”

SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan merupakan salah satu sektor yang signifikan kepada ekonomi Melaka dan menyumbang sebanyak 37.9 peratus iaitu penyumbang kedua terbesar selepas sektor Perkhidmatan. Nilai ditambah sektor ini meningkat kepada RM15.8 bilion (2020: RM15.3 b).

Pada tahun 2021, sektor ini memulih pada kadar 3.3 peratus berbanding penguncupan 8.5 peratus pada tahun 2020. Prestasi tersebut disokong oleh peningkatan dalam kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang merekodkan pertumbuhan kukuh 6.7 peratus (2020: -13.2%) didorong oleh produk petroleum bertapis. Subsektor tersebut merupakan pemacu utama sektor Pembuatan Melaka dengan sumbangan sebanyak 30.2 peratus seperti dipaparkan pada (Carta 2.6).

Selain itu, subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal yang merupakan penyumbang kedua terbesar dengan sumbangan 29.2 peratus turut meningkat kepada 5.2 peratus (2020: -1.3%) yang didorong oleh pembuatan diod, transistor dan alatan semikonduktor.

Sebaliknya, subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan masih mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 peratus (2020: -10.5%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam aktiviti pengeluaran kereta penumpang. Subsektor ini merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada sektor Pembuatan Melaka dengan sumbangan sebanyak 24.6 peratus.


Secara keseluruhannya, Melaka dilihat telah merekodkan peningkatan dalam nilai pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak sebanyak RM3.9 bilion berbanding RM2.0 bilion pada tahun 2020. Industri produk elektrik dan elektronik merupakan industri utama yang menerima pelaburan tertinggi berjumlah RM3.3 bilion, diikuti jentera dan peralatan sebanyak RM323.0 juta.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Pembukaan semula beberapa sektor ekonomi secara berperingkat pada tahun 2021, ianya dilihat telah memberi impak positif kepada prestasi ekonomi sektor Perkhidmatan di sesebuah negeri. Pada tahun 2021, sektor Perkhidmatan di Melaka mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM20.4 bilion (2020: RM20.0 b) iaitu pertambahan sebanyak RM0.5 bilion berbanding tahun sebelumnya yang telah mencatatkan pengurangan RM1.0 bilion. Sumbangan sektor ini kepada keseluruhan KDNK Melaka pada tahun 2021 adalah sebanyak 48.8 peratus (2020: 48.6%). Sektor ini mencatatkan pertumbuhan sederhana 2.3 peratus berbanding penyusutan 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada (Jadual 2.2).

Paparan 2.3

Penyumbang utama dan pertumbuhan 2021 bagi subsektor Perkhidmatan



“

Subsektor **perkhidmatan kerajaan** Melaka meningkat **5.6%** pada tahun 2021

”

Perdagangan borong dan runcit

Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang mula diperkenalkan pada Jun 2021 yang menjadi strategi pemulihan ekonomi telah memberi ruang untuk merencanakan semula ekonomi terutamanya kepada subsektor perdagangan borong dan runcit.

Pada tahun 2021, subsektor perdagangan borong & runcit telah menyumbang 31.1 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Melaka. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh marginal 0.9 peratus (2020: -5.9%) didorong oleh segmen borong & runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding penyusutan 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi positif ini didorong oleh pertumbuhan dalam aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan, diikuti aktiviti jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan, dan juga aktiviti jualan runcit peralatan lain-lain isi rumah di stor pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Melaka adalah 59.0 peratus seperti (**Carta 2.7**).

Sementara itu, segmen borong turut bertumbuh sederhana kepada 2.9 peratus pada tahun 2021 (2020: -2.1%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti pengkhususan lain jualan borong dan juga aktiviti jualan borong barangan isi rumah. Sumbangan segmen borong ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Melaka adalah 27.7 peratus. Kepelbagaian dalam penumpuan produk

pengeluaran telah memberikan impak yang berlainan terhadap prestasi borong di negeri. Namun prestasi segmen kenderaan bermotor dilihat menyusut kepada 10.8 peratus (2020: -9.4%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor, diikuti aktiviti penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor dan juga aktiviti jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) serta aksesori berkaitan.

Utiliti

Pengoperasian unit pertama loji stesen Janakuasa Turbin Gas Kitaran Berkuasa Tinggi (CCGT) Edra Melaka (EMPP) pada tahun 2021 telah mendorong pertumbuhan subsektor utiliti di Melaka kepada 6.5 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 5.9 peratus pada tahun 2020. Loji baharu tersebut terdiri daripada tiga blok penjanaan mampu menjana lebih daripada 745 megawatt (MW) dari setiap blok. Unit kedua dan ketiga akan mencapai tarikh operasi komersial masing-masing pada 31 Januari 2022 dan 28 Februari 2022. EMPP berupaya menyalurkan sebanyak 2,242 MW bekalan elektrik kepada sistem grid nasional telah meletakkan Malaysia sebagai pangkalan stesen janakuasa terbesar di Asia Tenggara.

Nilai ditambah subsektor utiliti di Melaka turut meningkat kepada RM1.8 bilion pada tahun 2021 berbanding RM1.7 bilion pada tahun 2020. Segmen bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan merekodkan nilai ditambah RM 399.9 juta pada

“

Stesen janakuasa bebas (IPP) merupakan penyumbang **utama** tenaga elektrik di Melaka

Sumber: Tenaga Nasional Berhad

”

tahun 2021, bertumbuh 6.6 peratus (2020: 8.5%) disokong oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.

“ Subsektor **perkhidmatan maklumat & komunikasi** Melaka bertumbuh **7.3%** pada tahun 2021 ”

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang sebanyak 10.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Melaka dengan nilai ditambah berjumlah RM2.1 bilion pada tahun 2021. Subsektor ini mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus berbanding 7.0 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi merekodkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.9 peratus didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan Youtube turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.

Selain itu, antara segmen lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan ini adalah segmen perkhidmatan komputer dan maklumat yang mencatatkan pertumbuhan 0.4 peratus yang disokong oleh aktiviti pengaturcaraan komputer.

Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 2.0 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Melaka. Pada tahun 2021, subsektor ini menunjukkan peningkatan 1.4 peratus berbanding kemerosotan 20.5 peratus pada tahun sebelumnya. Aktiviti pengangkutan darat merupakan peneraju utama dengan sumbangan 41.3 peratus, diikuti operasi lebuhraya (16.2%), pengangkutan lain (13.6%), perkhidmatan pos & kurier (12.8%), pengangkutan air (9.2%), pelabuhan & operasi penerbangan (6.9%), dan pengangkutan udara (0.1%) seperti pada (**Carta 2.8**).

Aktiviti pengangkutan darat meningkat pada tahun 2021 disebabkan oleh pengangkutan muatan melalui jalan raya dan perkhidmatan operasi teksi dan limosin berikutan daripada pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berfasa di seluruh negara. Walau bagaimanapun, operasi lebuhraya masih mencatatkan penurunan susulan daripada kawalan pergerakan yang masih dikuatkuasa.

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di Melaka masih mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu 15.5 peratus pada tahun 2021 (2020:-50.9%) dan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM120.5 juta. Berdasarkan data tetamu hotel, jumlah pelancong asing dan domestik menunjukkan penurunan 36.5 peratus (2020:-69.4%).

Dalam usaha untuk mempromosikan produk pelancongan dan hospitaliti, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan platform e-dagang Lazada menjalankan kempen *Buy Now, Travel Later*.

Subsektor makanan dan minuman menyumbang 4.0 peratus kepada sektor

Perkhidmatan di Melaka. Subsektor ini menyusut 4.6 peratus (2020: -18.2%) dengan merekodkan nilai ditambah RM813.3 juta pada tahun 2021.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan penurunan 11.4 peratus pada tahun 2021 (2020: -13.7%) dipengaruhi oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 71.2 peratus. Aktiviti ini menguncup 7.9 peratus daripada negatif 9.7 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Aktiviti utama yang mempengaruhi prestasi tersebut termasuklah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada kemerosotan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.

Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan yang menyumbang sebanyak 28.8 peratus dan mencatatkan penurunan 19.1 peratus (2020: -21.1%) disebabkan oleh kemerosotan dalam aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti pembersihan am bangunan.

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 2.4 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Melaka. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif 6.3 peratus berbanding negatif 7.1 peratus pada tahun 2020 seterusnya merekodkan jumlah nilai ditambah sebanyak RM490.9 juta.

Aktiviti hospital merupakan penyumbang utama kepada prestasi keseluruhan subsektor ini. Selain itu, antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan

keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Subsektor perkhidmatan pendidikan swasta menyumbang sebanyak 2.5 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Melaka. Pada tahun 2021, subsektor ini merekodkan penyusutan 4.5 peratus (2020: -6.6%). Pembukaan pengoperasian kesemua institusi pendidikan secara berperingkat untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka telah mendorong kepada fasa pemulihan bagi subsektor ini.

Berdasarkan **Carta 2.9**, aktiviti pendidikan tinggi kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 79.1 peratus kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta Melaka. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (10.1%), pendidikan menengah (6.5%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (4.0%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.3%).

Perkhidmatan kerajaan


Perkhidmatan kerajaan meliputi empat peringkat iaitu kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.

Pada tahun 2021, nilai ditambah perkhidmatan kerajaan di Melaka adalah sebanyak RM3.7 bilion berbanding RM3.5 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus (2020: 4.3%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 18.3 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di Melaka. Kerajaan persekutuan mendominasi perkhidmatan kerajaan di negeri ini dengan sumbangan sebanyak 82.3 peratus diikuti oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan PBT.

CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Melaka, 2020-2021




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Melaka, 2015-2021




Carta 2.6

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Melaka, 2021




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Melaka, 2021




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Melaka, 2021



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Melaka, 2021



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Melaka, 2020-2021

Melaka	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2020	2021	2020	2021
Keluasan belum matang (hektar)	4,689	3,913	-10.8	-16.5
Keluasan matang (hektar)	51,672	50,219	-0.8	-2.8

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Melaka, 2020-2021

Subsektor	2020 ^e			2021 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	4,027	20.2	-1.9	4,285	21.0	6.4
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	7,273	36.5	-9.1	7,271	35.6	0.0
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	2,686	13.5	-2.7	2,762	13.5	2.8
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	2,419	12.1	-8.7	2,350	11.5	-2.8
Perkhidmatan kerajaan	3,544	17.8	4.3	3,742	18.3	5.6
Jumlah	19,949	100.0	6.2	20,410	100.0	5.9

KADAR VAKSINASI, 2021



PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2020-2021

JUMLAH KESELURUHAN 2020/2021
RM530 bilion

PAKEJ RANGSANGAN KERAJAAN NEGERI, 2020-2021

NOTA:

2020

2021



PAKEJ RANGSANGAN, BANTUAN DAN INSENTIF KERAJAAN NEGERI, 2020-2022

2020	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS		2021	PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS	
 RM0.5 JUTA Makanan dan peralatan frontliners & pusat kuarantin	 2 BULAN Pengecualian sewa & lesen peniaga & penjaja kecil	RM13.0 JUTA	 RM90.0 RIBU Insentif khas 90 sekolah tahfiz berdaftar one-off: RM1000	 RM3.2 JUTA Penangguhan Bayaran Denda Lewat Cukai Tanah daripada 31 Mei 2021 kepada 31 Julai 2021 ke atas 61,140 hakmilik tanah	RM61.0 JUTA
 2 BULAN Penangguhan bayaran denda lewat cukai tanah & cukai strata	 2 BULAN Pengurangan 50% sewaan rumah kos rendah & rumah pangsa LPM		 RM3.2 JUTA Kit Makanan Nutrisi Sejahtera B40 pada tempoh Januari hingga Mac 2021 bagi 36,400 orang B40	 RM1.0 JUTA Insentif khas COVID-19 Aidilfitri 2.0 asnaf	
 2 BULAN Pengurangan 10% bil air untuk B40	 TAMBAHAN RM100 Asnaf/fakir miskin/mualaf		 RM5.0 JUTA Hand sanitizer dan pelitup muka pelajar sekolah	 RM1.0 JUTA Dana bantuan kasih niaga	
 RM23.0 RIBU Bantuan frontliners Hospital & PDRM	 RM1.6 JUTA Bantuan MAIM (BMB)		 RM1.0 JUTA Skim pinjaman mikrokredit usahawan graduan anak Melaka - gradpreneurs @ Melaka bagi 200 graduan	 RM1.7 JUTA Bantuan susu formula pesakit terlanjar, OKU dan warga emas kepada 361 orang penerima	
 RM2.8 JUTA Kit makanan asas 28,000 kit	 RM75.1 RIBU Sukarelawan asnaf		 RM26.1 JUTA Penambahbaikan pinjaman dana hartanah bumiputera dari RM50,000 kepada RM180,000	 RM6.0 JUTA Bantuan khas kewangan penjawat awam	
		JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2020			JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2021

2022

PAKEJ RANGSANGAN DAN BANTUAN KHAS

 RM3.2 JUTA Care Sayang iaitu Bantuan am bulanan pada kadar RM250 untuk 5,394 penerima.	 RM929.8 JUTA Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	 RM0.3 JUTA Program penanaman semula pokok berjumlah RM50 ribu kepada setiap PBT dan Jabatan Perhutanan Negeri.	 RM0.5 JUTA Menambah baik infrastruktur dan penempatan untuk nelayan, petani dan penternak	RM1.0 BILION
 RM1.0 JUTA Meneruskan dana kasih niaga kepada 1,000 usahawan dan peniaga	 RM0.5 JUTA Memberi diskaun sewa 10 hingga 50% bagi tempoh September 2021 hingga Disember 2022 kepada semua penyewa Yayasan Melaka	 RM3.4 JUTA Remisi sehingga 25% daripada cukai taksiran untuk premis terjejas / pegangan kosong sahaja	 RM22.0 JUTA Bantuan makanan kepada 8,640 orang asnaf	
				JUMLAH IMPLIKASI KEWANGAN, 2022

Nota:
Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

INDEKS HARGA PENGGUNA

Pada akhir tahun 2021, Malaysia masih belum bebas daripada pandemik COVID-19. Sedikit demi sedikit, masyarakat sudah mula menerima hakikat untuk menjalani kehidupan bersama dengan virus COVID-19. Fasa pandemik tidak hanya memberi kesan terhadap kesihatan masyarakat sahaja, tetapi ia juga menjejaskan ekonomi negara. Pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan pada Indeks Harga Pengguna (IHP) terutamanya terhadap pola perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, kerajaan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) iaitu pemberian vaksin percuma kepada semua rakyat Malaysia secara berperingkat yang membantu untuk mewujudkan imuniti berkelompok. Kesannya, pada akhir suku tahun ketiga tahun 2021, kerajaan mula melonggarkan dan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi. Tindakan itu sedikit sebanyak telah membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Peningkatan ketara purata harga minyak mentah dunia Brent pada tahun 2021 (66.5%) daripada AS\$42.30 per tong (2020) kepada AS\$70.44 per tong (2021) telah memberi kesan terus kepada kenaikan harga petrol tanpa plumbum RON97, petrol tanpa plumbum RON95 dan diesel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan tertinggi sepanjang 10 tahun dengan kenaikan sebanyak 32.9 peratus (2021: RM2.65/liter) berbanding tahun sebelumnya (2020: RM1.99/liter).

“

IHP Melaka merekodkan Peningkatan pada **2.4%**

”



Selain itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON95 turut meningkat 21.1 peratus kepada RM2.03 per liter berbanding RM1.67 pada tahun sebelumnya, manakala purata harga diesel meningkat 18.6 peratus kepada RM2.14 per liter daripada RM1.80 seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Inflasi Melaka mencatatkan peningkatan 2.4 peratus berbanding negatif 1.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2020 (**Carta 2.10**). Kadar inflasi ini juga berikutan kesan asas yang rendah pada tahun sebelumnya, yang merekodkan peningkatan ketara terutamanya dalam kumpulan pengangkutan serta peningkatan harga pelbagai barangan. Faktor lain seperti peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020 adalah impak daripada kenaikan harga bahan

makanan haiwan. Ianya sejajar dengan kenaikan harga pasaran bahan mentah global.

Selain itu, hujan lebat yang berlaku di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia susulan peralihan Monsun Timur Laut pada akhir tahun 2021 turut mendorong kenaikan harga makanan terutamanya makanan laut.

Kenaikan inflasi di negeri ini juga dipengaruhi oleh penamatan diskaun elektrik bulanan yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) untuk tempoh tiga bulan yang berakhir pada 30 September 2021.

Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi kepada 2.4 peratus ini disumbangkan oleh indeks pengangkutan iaitu pada 9.4 peratus, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.4%), makanan & minuman bukan alkohol (1.4%), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (1.0%), minuman alkohol & tembakau (0.3%) dan pelbagai barangan & perkhidmatan (0.3%) seperti yang dipaparkan di (Jadual 2.4).

Kumpulan pengangkutan merekodkan peningkatan 9.4 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 9.7 peratus yang direkodkan pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh penetapan petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter bermula Mac 2021.

Inflasi perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat 2.4 peratus pada tahun 2021 berbanding negatif 3.3 peratus yang dilaporkan pada tahun 2020. Kenaikan tertinggi adalah daripada subkumpulan elektrik, gas & bahan api.

Inflasi makanan & minuman bukan alkohol meningkat pada 1.4 peratus berbanding 0.7 peratus dicatatkan pada tahun 2020. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh

peningkatan subkumpulan daging (4.0%), minyak & lemak (2.5%), keluaran makanan t.t.t.l. (2.3%) dan ikan segar dan makanan laut (2.2%). Manakala gula, jem, madu, coklat & manisan (0.4%) dan beras, roti & bijirin (0.5%) menunjukkan peningkatan marginal (Jadual 2.5).

Inflasi hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat pada 1.0 peratus berbanding negatif 0.3 peratus pada tahun 2020. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kenaikan bagi perabot, hiasan, permaidani dan penutup lantai lain.

“

**Kumpulan pengangkutan
merekodkan peningkatan pada
9.4%**

”

Jadual 2.3


Purata harga item terpilih, Melaka, 2020-2021

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2020	2021
Ayam Bersih-Standard	1kg	7.81	8.29
Telur Gred A	10 biji	3.58	3.93
Telur Gred B	10 biji	3.47	3.76
Telur Gred C	10 biji	3.27	3.43
Ikan Kembung	1 kg	16.95	18.15
Sawi	1 kg	4.77	5.52
Bayam	1 kg	4.35	4.62

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10

Perubahan tahunan IHP, Melaka, 2011-2021



Jadual 2.4

Perubahan tahunan IHP mengikut kumpulan utama, Melaka, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.4
Minuman alkohol & tembakau	-0.4	0.3
Pakaian & kasut	-1.8	-1.8
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	-3.3	2.4
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	-0.3	1.0
Kesihatan	0.7	-0.7
Pengangkutan	-9.7	9.4
Komunikasi	1.9	0.0
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	0.3	0.0
Pendidikan	0.8	0.2
Restoran & hotel	-0.2	0.0
Pelbagai barangan & perkhidmatan	1.7	0.3
Keseluruhan	-1.9	2.4

Jadual 2.5

Perubahan tahunan subkumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, Melaka, 2020-2021

Tahun	2020	2021
Makanan & minuman bukan alkohol	0.7	1.4
Makanan di luar rumah	0.1	1.5
Beras, roti dan bijirin	0.9	0.5
Daging	2.2	4.0
Ikan segar dan makanan laut	1.4	2.2
Susu, keju dan telur	-2.8	0.7
Minyak dan lemak	0.7	2.5
Buah-buahan	-1.5	-1.6
Sayur-sayuran	4.4	-0.4
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	0.4	0.4
Keluaran makanan t.t.t.l	2.6	2.3
Kopi, teh, koko dan minuman	-0.4	0.1

Rencana 2:

Pandemik COVID-19 dan Pertumbuhan Ekonomi Utama Negeri Melaka 2021²

Mazreha Ya'akub, Jamilah Shahuri, Amiirah Zolkefli

1.0 PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada tahun 2020 telah memberikan implikasi penurunan ekonomi yang terbesar kepada seluruh lapisan masyarakat di seluruh dunia dan Malaysia khususnya. Pertumbuhan ekonomi Malaysia menguncup pada kadar 5.6 peratus seperti yang dipaparkan dalam **Carta 2(a)**, sekali gus meletakkan kadar pertumbuhan ini di kedudukan yang kedua terendah selepas tahun 1998 yang merekodkan penyusutan sebanyak 7.4 peratus (DOSM, 2021). Walau bagaimanapun, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat secara perlahan sebanyak 3.1 peratus bagi tahun 2021 setelah pelbagai inisiatif dijalankan bagi memulihkan ekonomi negara.

Carta 2(a): Nilai KDNK Malaysia bagi tahun 2010 hingga 2021



KDNK Melaka pula merekodkan penurunan 5.9 peratus, lebih tinggi berbanding penguncupan KDNK negara semasa pandemik COVID-19 seperti yang dipaparkan dalam **Carta 2(b)**. Nilai pertumbuhan KDNK Melaka pada tahun 2020 adalah paling terendah dalam tempoh 10 tahun walaupun nilai KDNK meningkat secara stabil sejak tahun 2010.

Carta 2(b): Nilai KDNK Melaka bagi tahun 2010 hingga 2021



²Penulisan rencana ini turut dibantu oleh Nurul Syafiqah Sama'on, Fatin Nureen Natasya Salim, Nur Badriah Harun, dan Nurulfarahin Mat Iszolkafli. Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

COVID-19 telah membawa kepada gangguan ekonomi di Malaysia apabila pelbagai usaha untuk mencegah penyebaran dilaksanakan termasuk sekatan perjalanan yang dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kuarantin, penangguhan acara dan penutupan kemudahan yang bermula Mac 2020. Pelaksanaan PKP yang berfasa ini telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi di seluruh negeri. Melaka terutamanya bagi sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mengalami penurunan yang ketara semasa Pandemik COVID-19. Namun pada tahun 2021, kerajaan telah melancarkan beberapa inisiatif bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia terutama aktiviti pelancongan di setiap negeri di mana Melaka turut menjayakan pelbagai program bagi merancakkan aktiviti pelancongan negeri. Selain itu, pelbagai dasar perlu diperhalusi oleh Kerajaan Negeri Melaka bagi memastikan kelestarian ekonomi di negeri di samping menjamin kesejahteraan rakyat semasa pandemik dan fasa pemulihan berlangsung.


Sehubungan itu, kertas kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor dan pemboleh ubah yang dapat memberikan sumbangan terbesar kepada peningkatan ekonomi Melaka secara berkesan semasa dan pasca pandemik.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

2.1 KDNK Melaka

Pengiraan KDNK Melaka secara pendekatan pengeluaran merangkumi nilai ditambah lima (5) sektor ekonomi utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pertanian, Pembinaan dan Perlombongan dan Pengkuarian. Pada tahun 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan sektor Perkhidmatan menyumbang sebanyak RM20.0 bilion (48.6%), sektor Pembuatan sebanyak RM15.3 bilion (37.3%), sektor Pertanian sebanyak RM4.6 bilion (11.2%), sektor Pembinaan sebanyak RM1.0 bilion (2.4%) dan sektor Perlombongan dan pengkuarian sebanyak RM0.006 bilion (0.1%) (DOSM, 2020) seperti yang dipaparkan di **Carta 2(c)**.

Carta 2(c): Peratus sumbangan mengikut sektor Melaka, 2020



Ketika pandemik 2020, sektor ekonomi utama Melaka menyusut dan hanya sektor Pertanian yang mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.7(2020: 3.4%) peratus iaitu daripada RM4,433 bilion(2020:RM4,583 juta) kepada RM4,598 bilion(RM4,556) pada tahun 2021. Peningkatan sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK Melaka telah menjadi pendorong kepada Kerajaan Negeri menerokai peluang ini melalui beberapa tindakan dan rancangan dalam PSMJ 2035 termasuk aspek pemasaran, peningkatan pendapatan pengeluaran dan pemodenan aktiviti pertanian (UPEN Melaka, 2022). Secara dasarnya, dua

(2) sektor ekonomi iaitu Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi Melaka seperti yang dipaparkan di **Carta 2(d)**.

Carta 2(d): Peratus sumbangan mengikut sektor ekonomi kepada KDNK Melaka, 2015-2020



Bermula dari tahun 2009, tunjang ekonomi Melaka telah berubah apabila sektor Perkhidmatan menjadi menyumbang utama kepada KDNK Melaka berbanding dengan sektor Pembuatan yang telah mendominasi pada tahun-tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan terdiri daripada beberapa subsektor termasuklah perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, perniagaan, utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi, perkhidmatan kerajaan, kewangan dan insurans, hartanah, perkhidmatan perniagaan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain. Sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM20.0 bilion pada tahun 2020.

Carta 2(e): Nilai KDNK dan peratus sumbangan kepada KDNK bagi subsektor Perkhidmatan Melaka, 2020



Bagi sektor Pembuatan, subsektor yang menyumbang kepada nilai ditambah dalam sektor ini ialah kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik, produk elektrik, elektronik dan optikal, dan peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (DOSM, 2020). Sektor Pembuatan antara sektor yang memacu pertumbuhan terutamanya dalam bidang baru yang nilai ditambah yang tinggi dan berteknologi (UPEN Melaka, 2022). Usaha ini telah dimanifestasikan oleh Kerajaan Negeri dengan meluluskan peningkatan nilai pelaburan dalam sektor Pembuatan daripada RM0.9 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.0 bilion pada tahun berikutnya. Sektor Pembuatan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM15.3 bilion pada tahun 2020 (DOSM, 2020).

Carta 2(f): Nilai KDNK dan peratus sumbangan kepada KDNK bagi subsektor Pembuatan Melaka, 2020



2.2 Pelancongan

Aktiviti pelancongan antara penyumbang utama kepada ekonomi Melaka. **Carta 2(g)** menunjukkan jumlah kehadiran pelawat domestik ke Melaka pada tahun 2015 menunjukkan pertumbuhan positif sehingga tahun 2019. Namun pada tahun 2020, Melaka hanya menerima kehadiran seramai 7.28 juta pelawat domestik dan jumlah ini menurun kepada 3.88 juta pada tahun 2021, menunjukkan pencapaian aktiviti pelancongan di Melaka menurun (DOSM, 2020) ketika fasa pemulihan pandemik COVID-19.

Carta 2(g): Corak aliran ketibaan pelancong domestik ke Melaka, 2015-2020




Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai inisiatif berhubung perkara ini, antaranya pihak Kerajaan Negeri Melaka telah memperkenalkan satu slogan iaitu "Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia". Secara ringkasnya, slogan tersebut sudah dapat memberi gambaran pengalaman pelancongan yang akan dirasakan, iaitu pelancongan yang bertemakan budaya masyarakat dan warisan sejarah (Omar & Mat Radzuan, 2021). Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) dan Lazada bagi melancarkan promosi Melaka e-Bazaar *Buy Now, Travel Later*. Kerajaan Negeri juga menumpukan pelancong dari Indonesia dan beberapa negara lain untuk mendapatkan rawatan kesihatan dalam usaha meningkatkan Sektor Pelancongan Kesihatan di Negeri Melaka (UPEN Melaka, 2022). Selain itu, antara inisiatif Kerajaan Negeri Melaka yang diutarakan dalam Pelan Strategik Melaka Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) adalah dengan mewujudkan *Melaka Waterfront Economic Zone* (M-WEZ) bagi merancakkan ekonomi negara dalam pelaksanaan *flagship* Pembangunan Ekonomi Melaka, sejajar dengan matlamat M-WEZ iaitu menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan dan pelabur bertaraf dunia (Majlis Pembangunan M-WEZ, 2022).

2.3 Penduduk Bekerja

Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif telah mencatatkan purata pertumbuhan tahunan KDNK sebanyak 6.2 peratus bagi tempoh 1970 hingga 2019. Sepanjang tempoh tersebut, Malaysia hanya mengalami kemelesetan ekonomi sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1985, 1998 dan 2009 (KASIM, 2020). Walaupun dalam persekitaran yang mencabar terutamanya gangguan rantai bekalan global dan inflasi, pertumbuhan ekonomi dapat dilihat melalui pemulihan berterusan dalam pasaran tenaga buruh dan pengembangan dari sektor perdagangan. Tenaga buruh merujuk kepada penduduk kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Melaka mengalami peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada tahun 2019 iaitu sebanyak 428,300 orang berbanding 416,700 orang pada tahun 2018 (DOSM, 2020).

Carta 2(h): Corak aliran penduduk bekerja Melaka, 2015 - 2020



Namun, penurunan bilangan berlaku bagi jumlah penduduk bekerja pada tahun 2020 iaitu sebanyak 417,300 (DOSM, 2020) seperti yang dilihat pada **Carta 2(g)**. Penurunan ini mendorong Kerajaan Negeri Melaka melakar idea seperti yang dirangka dalam PSMJ 2035 iaitu Kerajaan Negeri mensasarkan 5 Bidang Keberhasilan Utama Melaka atau *Melaka Key Result Area* (MKRA) bagi tujuan menjelaskan bidang-bidang keutamaan yang ingin dicapai oleh Negeri Melaka dalam tempoh 15 tahun bermula daripada tahun 2021 sehingga tahun 2035 (UPEN Melaka, 2022). Antara 5 MKRA yang ditetapkan, MKRA 4 khusus dirangka bagi meningkatkan ekonomi rakyat tempatan iaitu Pembangunan Ekonomi Rakyat Tempatan. Dalam MKRA 4, Kerajaan Negeri Melaka mengambil beberapa pendekatan berbentuk penyediaan peluang-peluang latihan, pelbagai jenis bantuan, pembangunan kompleks-kompleks perniagaan, gerai dan pusat-pusat penjaja. Malah, satu daripada 8 tema atau *flagship* yang diusulkan iaitu Melaka Sejahtera, menetapkan sasaran sebanyak 50 peratus kumpulan sasaran diambil bekerja, secara tidak langsung, mengurangi bilangan pengangguran (UPEN Melaka, 2022).

2.4 Pendapatan Isi Rumah

Purata pendapatan bulanan isi rumah negeri Melaka pada tahun 2019 telah mencatatkan peningkatan iaitu RM7,741 berbanding RM6,849 pada tahun 2016, iaitu sebanyak 4.1 peratus. Pada tahun 2019, purata pendapatan bulanan bagi strata bandar adalah sebanyak RM7,805 dan luar bandar adalah sebanyak RM6,470. Pendapatan penengah Melaka pula meningkat 2.7 peratus setahun iaitu sebanyak RM6,054 pada tahun 2019 berbanding RM5,588 pada tahun 2016. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) juga dikemaskini berdasarkan keperluan semasa. Nilai purata PGK di Negeri Melaka yang telah dilaporkan adalah RM2,375 sebulan, lebih tinggi berbanding PGK Malaysia iaitu RM2,208 sebulan pada tahun 2019. PGK baharu yang diperkenalkan ini telah menyebabkan peningkatan bilangan isi rumah miskin yang perlu dibantu secara khusus. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan peratusan isi rumah yang menerima pendapatan di bawah RM2,000 juga telah bertambah daripada 3.39 peratus pada tahun 2016 kepada 4.2 peratus pada tahun 2019 (UPEN Melaka, 2022).

Kerajaan Negeri meletakkan pembasmian kemiskinan sebagai agenda utama dalam memberi keseimbangan kepada rakyat bagi menikmati limpahan ekonomi di Melaka. Kerajaan Negeri telah menyatakan iltizam menerusi *flagship* kelima, iaitu Melaksanakan Teras Pembangunan Mapan dan Perkongsian Kemakmuran. Secara total, 43 Inisiatif akan dilaksanakan yang mencakupi Program Pengupayaan golongan B40 supaya dapat dikeluarkan daripada garis kemiskinan (UPEN Melaka, 2022). Menerusi teks Ucapan Bajet 2022 Negeri Melaka, Kerajaan Negeri juga menggesa semua organisasi bukan kerajaan atau *Non-Government Organisation* (NGO) bersama-sama menjalankan tanggungjawab untuk memampankan Program Pengupayaan agar dapat manifestasikan matlamat Negeri Melaka (Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka, 2022).

3.0 TUJUAN KAJIAN

Pada tahun 2020, terdapat 225 buah negara terkesan apabila virus COVID-19 menyerang sistem kesihatan dunia dan telah membawa perubahan kepada kehidupan manusia. Malaysia juga antara negara yang terjejas dengan wabak COVID-19 dengan merekodkan jangkitan sebanyak 4,575,809 kes dan Melaka mencatatkan sejumlah 126,352 kes setakat 4 Julai 2022 ini (KKM, 2022). Bacaan KDNK Melaka khususnya, menurun pada tahun 2020 akibat dari pandemik COVID-19. Oleh itu, bagi menjamin ekonomi yang stabil semasa pandemik, kerajaan perlu merangka pelan dan strategi bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan ekonomi.

Selain itu, pada tahun 2020, kesemua tiga belas negeri dan dua Wilayah Persekutuan mencatatkan penurunan dalam nilai KDNK Per Kapita berbanding tahun 2019. Walau bagaimanapun, Melaka mencatatkan nilai KDNK Per Kapita melebihi paras nasional (RM43,378) iaitu RM45,893 (DOSM, 2020). Hal ini demikian kerana, dalam menghadapi virus bersifat pandemik ini, pihak kerajaan bergelut dengan dua keadaan ingin memastikan rakyat terhindar daripada dijangkiti virus COVID-19. Pada masa yang sama, kerajaan bergelut untuk menjaga keadaan ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan perlu menimbangtara dan mengambil kaedah yang terbaik untuk memastikan jangkitan menurun serta mengurangkan implikasi ekonomi terhadap kehidupan rakyat. Maka, adalah penting bagi kerajaan untuk mengenalpasti sumbangan sektor ekonomi yang utama bagi setiap negeri agar langkah-langkah pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan pada kadar segera.

Aktiviti pelancongan dan bilangan penduduk bekerja merupakan antara aktiviti dan isu yang kritikal terjejas akibat daripada pandemik COVID-19. Pelbagai penderitaan dan keluhan diluahkan oleh rakyat Malaysia yang terpaksa berdepan dengan kemelut pandemik ini. Selain menyumbang kepada penurunan nilai ditambah KDNK, pandemik COVID-19 ini juga telah memberikan impak yang kurang menyenangkan apabila kadar kemiskinan tegar pada tahun 2020 meningkat kepada 8.4 peratus jika dibandingkan dengan 5.6 peratus pada tahun 2019 bagi Negeri Melaka (UPEN Melaka, 2022). Golongan pekerja berkemahiran rendah, pekerja tidak formal serta golongan berpendapatan rendah antara yang paling teruk terjejas kesan daripada implementasi sekatan pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Oleh itu, kertas kajian ini membentangkan faktor dan pembolehubah yang dapat memberikan sumbangan terbesar kepada peningkatan ekonomi Melaka. Dalam kajian ini, tiga (3) pembolehubah dinilai kesannya kepada nilai KDNK iaitu bilangan pelawat domestik ke Melaka, bilangan penduduk bekerja dan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan. Hasil kajian ini akan dibandingkan dengan jangkaan dalam PSMJ 2035, seterusnya membantu kepada usaha meningkatkan kembali ekonomi Negeri Melaka.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menganalisis kesan pandemik virus COVID-19 terhadap ekonomi Melaka.
2. Mengkaji kesan bilangan pelawat domestik ke Melaka, bilangan penduduk bekerja dan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan terhadap nilai KDNK Melaka.
3. Membuat ramalan capaian nilai KDNK negeri Melaka menggunakan kaedah *Multiple Linear Regression* dan membandingkan hasil kajian dengan nilai yang disasarkan di PSMJ 2035.

5.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sektor ekonomi yang terkesan dengan penyebaran virus adalah antara tajuk yang kerap menjadi topik kepada pengkaji dan penyelidik. Ekonomi dunia pernah terkesan akibat penyebaran virus hepatitis A di Mumbai, India (Dhawan, et al., 1998), China (Xu, Wang, Liu, Li, & Zhuang, 2008) dan juga negara-negara yang sedang berkembang (M.D., 2003). Virus Ebola juga pernah melanda dan turut memberi kesan kepada ekonomi beberapa negara iaitu Guinea (Bausch & Schwarz, 2014) dan Afrika (Adegun, 2014); (Franklin & Bockarie, 2018). Mutakhir ini, dunia dikejutkan pula dengan virus COVID-19 yang memberi kesan secara global.

Beberapa kajian dilakukan untuk menganalisis kesan COVID-19 terhadap ekonomi negara Indonesia antaranya (Bahtiar & Saragih, 2020), (Hadiwardoyo, 2020), (Yamali & Putri, 2020), (Sayuti & Hidayati, 2020) dan (Iskandar, Possumah, & Aqbar, 2020). Bagi kajian yang dilakukan oleh (Sayuti & Hidayati, 2020) dan (Iskandar, Possumah, & Aqbar, 2020), kaedah yang digunakan adalah sama iaitu kaedah kuantitatif deskriptif. Walaupun menggunakan data yang berbeza, kesimpulan yang dibuat pada kelima-lima kajian menunjukkan pandemik COVID-19 memberi kesan negatif kepada ekonomi negara Indonesia.

Penyelidik lain turut menjalankan kajian mengenai kesan pandemik berpunca daripada penyebaran virus COVID-19 kepada ekonomi negara lain. Ekonomi negara India telah dikaji oleh (Mehta & Jha, 2020) tetapi hanya dengan meneliti kajian lepas dan membuat rumusan menggunakan kata kunci yang boleh diambil untuk perbincangan yang lebih lanjut. Namun, kajian yang lebih teliti dan kredibel dilakukan oleh (Barbate, Gade and Shirish S. Rai, & Raibagkar, 2021) menggunakan indikator KDNK, kadar pengangguran, kadar inflasi, kadar faedah dan pengeluaran industri. (Arkhipova, Turkova, & Kuznetsova, 2021) mengkaji kesan virus COVID-19 kepada ekonomi negara Rusia menggunakan indikator KDNK, pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan perdagangan dan pendapatan per kapita. Selain itu, (Khurshid & Khan, 2021) juga menganalisis topik yang sama mengenai negara Pakistan menggunakan indikator KDNK, penggunaan tenaga dan perubahan iklim. Hal ini menunjukkan indikator yang penting dalam menganalisis ekonomi ialah KDNK dan juga pembolehubah lain yang menyumbang kepada nilai KDNK negara berkenaan.

Beberapa pengkaji meneruskan kajian kesan virus COVID-19 kepada ekonomi dengan melakukan peramalan terhadap ekonomi negara lain. (Khurshid & Khan, 2021) menggunakan kaedah pemodelan dinamik sistem atau *system dynamic modelling* dalam meramal ekonomi negara Pakistan, manakala (Strilets, Prokopenko, & Orlov, 2020) melakukan ramalan berdasarkan prosedur mengira indeks mengikut indikator, yang membawa maksud setiap indikator mempunyai pemberat dan pekali yang berbeza bagi meramal ekonomi negara Ukrain. (Wang, Fang, & Gao, 2021) dan (Barbate, Gade and Shirish S. Rai, & Raibagkar, 2021) menggunakan kaedah *Autoregressive Integrated Moving Average* (ARIMA) secara asasnya dan mengolah menjadi model yang baru bagi meramal ekonomi negara China. Kajian ini agak unik kerana menggunakan data jumlah penumpang kereta api atau *railway passenger volume* kerana pengangkutan utama yang digunakan di negara China ialah kereta api (Hui, Houdun, Wei, & Wenbo, 2020).

Melalui kajian-kajian yang disebut, ekonomi sesebuah negara diramal akan terus meningkat, tetapi ia memerlukan usaha daripada pelbagai pihak untuk mengembalikan kestabilan ekonomi

sesebuah negara. Namun, kajian-kajian ini tidak menganalisis kepada kawasan atau negeri yang lebih spesifik. Oleh itu, langkah-langkah dan cadangan yang disarankan tidak spesifik dan dituju secara umum.

6.0 KAEDAH KAJIAN

6.1 Sumber data

Sumber data ini diperoleh daripada DOSM dan data diambil pada harga malar 2015. Kajian ini menganalisis data KDNK Melaka serta menganalisis data bilangan pelawat domestik ke Melaka, bilangan penduduk bekerja dan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan. Selain itu, kajian ini turut melaksanakan ramalan terhadap data berkenaan bagi mengkaji kesan pandemik terhadap ekonomi Melaka dan membandingkan keputusan ramalan kepada perancangan yang dirangka dalam PSMJ 2035.

6.2 Metodologi

Jadual 2(a): Kaedah analisis

Kaedah	Analisis
Deskripsi	Graf pai Graf bar Graf garis masa
Imputasi	Imputasi median
Kenormalan	Ujian Kolmogorov-Smirnov
Korelasi	Pearson Correlation
Teknik ramalan	Teknik Double Exponential Smoothing
Regresi	Multiple Linear Regression

6.3 Imputasi Median

Bagi purata pendapatan isi rumah kasar bulanan, terdapat beberapa kelompongan data iaitu pada tahun 2015, 2017 dan 2018 disebabkan oleh kajian survei yang hanya dijalankan dua atau tiga tahun sekali. Kaedah imputasi *median* atau *median imputation* digunakan untuk menggantikan nilai yang hilang dengan nilai *median* bagi keseluruhan data.

6.4 Ujian Kolmogorov-Smirnov

Ujian *Kolmogorov-Smirnov* digunakan untuk mengkaji kenormalan data yang diperoleh. Nilai *p* atau *p-value* yang tinggi dan nilai statistik yang rendah menunjukkan sampel data mempunyai distribusi normal. Ujian *Kolmogorov-Smirnov* ditakrifkan sebagai:

H₀ : Data mengikut taburan normal

H_a : Data tidak mengikut taburan normal

6.5 Pearson Correlation

Kaedah *Pearson Correlation* digunakan untuk mengukur hubungan statistik, atau perkaitan antara dua pembolehubah. Ia dikenali sebagai kaedah terbaik untuk mengukur perkaitan antara pembolehubah kerana ia berdasarkan kaedah kovarians. Kaedah ini juga memberikan maklumat korelasi dan arah perhubungan.

$$r = \frac{n(\Sigma xy) - (\Sigma x)(\Sigma y)}{\sqrt{[n\Sigma x^2 - (\Sigma x)^2][n\Sigma y^2 - (\Sigma y)^2]}}$$

di mana,

r : Pekali korelasi

n : bilangan

Σxy : hasil tambah x dan Y

Σx : hasil tambah x

Σy : hasil tambah y

Σx^2 : hasil tambah kuasa dua x

Σy^2 : hasil tambah kuasa dua y

6.6 Teknik Double Exponential Smoothing

Ramalan ialah teknik yang menggunakan data primer sebagai input untuk membuat anggaran yang bersifat ramalan dalam menentukan arah aliran masa hadapan. Kaedah *Exponential Smoothing* adalah salah satu daripada kaedah ramalan yang boleh diaplikasikan. Kaedah ini digunakan untuk menghasilkan ramalan yang tepat dan boleh dipercayai kerana ianya sesuai untuk peramalan jangka pendek seperti kewangan dan ekonomi.

Kaedah *Exponential Smoothing* terbaik yang boleh diaplikasikan untuk meramal pembolehubah bebas di dalam kajian ialah *double exponential smoothing*. Bentuk termudah bagi formula *double exponential smoothing* adalah:

$$\begin{aligned} S_t &= \alpha Y_t + (1 - \alpha)S_{t-1} \\ S'_t &= \alpha S_t + (1 - \alpha)S'_{t-1} \\ a_t &= 2S_t - S'_t \\ b_t &= \frac{\alpha}{\alpha - 1}(S_t - S'_t) \\ F_{T+m} &= a_T + b_T m \end{aligned}$$

di mana:

S_t : nilai *single exponential smoothing*

Y : data pada period t

α : parameter pemulus antara 0 - 1

b_t : faktor pelarasan

F_{T+m} : ramalan m pada period t yang akan diramalkan, $m = 1, 2, 3, 4$

t : trend masa

6.7 Multiple Linear Regression

Analisis regresi menggunakan kaedah *Multiple Linear Regression* antara KDNK, bilangan pelawat dan penduduk bekerja di Melaka bagi tempoh 2015 sehingga 2020 telah dijalankan bagi meramal KDNK pada tahun 2020 sehingga 2035. Kaedah ini menggunakan dua pembolehubah bebas (bilangan pelawat dan penduduk bekerja) untuk meramal pembolehubah tidak bebas (KDNK). Model yang digunakan adalah seperti berikut:

$$Y_t = a + bX1_t + cX2_t + e_t$$

di mana:

- Y_t : KDNK
- $X1_t$: Bilangan pelawat
- $X2_t$: Bilangan penduduk
- a : pembolehubah tetap
- b : pekali pembolehubah $X1_t$
- c : pekali pembolehubah $X2_t$
- t : tahun
- e_t : ralat

7.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

7.1 Ujian Kolmogorov-Smirnov

Berdasarkan **Jadual 2(b)**, set data bilangan pelawat domestik dan bilangan penduduk bekerja memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu bertaburan normal manakala set data purata pendapatan isi rumah kasar bulanan bertaburan tidak normal.

Jadual 2(b): Ujian kenormalan data

Pembolehubah bebas	Kolmogorov-Smirnov			
	Statistik	df	Nilai p	Taburan
Bilangan pelawat domestik	0.14122	5	0.99954	Normal
Bilangan penduduk bekerja	0.22726	5	0.90757	Normal
Purata pendapatan isi rumah kasar bulanan	0.43832	5	0.21785	Tidak normal

7.2 Pearson Correlation

Berdasarkan kajian lepas, ekonomi sesebuah negara boleh dianalisis menggunakan nilai KDNK dan pembolehubah lain yang memberi impak kepada nilai KDNK seperti kajian yang dilakukan oleh (Barbate, Gade and Shirish S. Rai, & Raibagkar, 2021), (Arkhipova, Turkova, & Kuznetsova, 2021) dan (Khurshid & Khan, 2021). Oleh itu, sebelum meneruskan kajian, setiap pembolehubah perlu dinilai korelasinya kepada nilai KDNK.

Menggunakan kaedah *Pearson Correlation*, korelasi yang kuat dapat dilihat di **Jadual 2(c)**, iaitu pada data bilangan pelawat domestik ke Negeri Melaka dan bilangan penduduk bekerja dengan nilai KDNK iaitu masing-masing nilai R menghampiri 1, $R=0.9584$ dan $R=0.9310$. Manakala bagi data purata pendapatan isi rumah kasar bulanan menunjukkan kolirasi yang lemah iaitu $R=0.6608$ terhadap nilai KDNK.

Jadual 2(c) : Ujian korelasi data bilangan pelawat domestik, bilangan penduduk bekerja dan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan dengan nilai KDNK.


Pembolehubah bebas	Pearson Correlation Coefficient			
	R	R^2	Nilai p	Keputusan
Bilangan pelawat domestik	0.9584	0.9185	0.010122	Signifikan
Bilangan penduduk bekerja	0.9310	0.8668	0.021531	Signifikan
Purata pendapatan isi rumah kasar bulanan	0.6608	0.4367	0.224689	Tidak signifikan

Keputusan di **Jadual 2(c)** menunjukkan hanya data bilangan pelawat domestik dan bilangan penduduk bekerja memberi impak signifikan terhadap nilai KDNK Negeri Melaka. Oleh itu, hanya pembolehubah bilangan pelawat domestik dan bilangan penduduk bekerja diambil kira sebagai pembolehubah bebas.

7.3 Teknik Double Exponential Smoothing

Berdasarkan **Carta 2(i)**, analisis siri masa bagi bilangan pelancong dijalankan bagi meramal bilangan pelancong dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Carta 2(i): Analisis siri masa bilangan pelawat dari tahun 2015 - 2035



Pada tahun 2035, bilangan pelawat dijangka akan meningkat kepada 23.1 juta pelawat dengan anggaran kadar pertumbuhan sebanyak 3 peratus bagi tahun 2022 sehingga 2035. Kadar pertumbuhan bilangan pelawat telah menunjukkan penurunan yang mendadak bagi tahun 2020 sebanyak 48 peratus dengan jumlah 7.2 juta pelawat di

Melaka. Walau bagaimanapun, bilangan pelawat pada tahun 2020 diramal sebanyak 14.5 juta pelawat sekiranya tiada pandemik COVID-19.

Carta 2(j): Analisis siri masa bilangan penduduk bekerja dari tahun 2015 - 2035



Berdasarkan **Carta 2(i)**, bilangan penduduk bekerja di Melaka sebanyak 417 ribu penduduk pada tahun 2020 mengalami sedikit penurunan berbanding 428 ribu penduduk pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, bilangan penduduk bekerja yang diramal pada tahun 2020 sekiranya tiada pandemik COVID-19 ialah 436 ribu penduduk. Kadar pertumbuhan penduduk bekerja diramal akan meningkat sebanyak 1.8 peratus bagi tahun 2022 sehingga 2035 dengan jumlah 565 ribu penduduk pada tahun 2035.


7.4 Multiple Linear Regression

Kajian ini menggunakan kaedah *Multiple Linear Regression* (MLR) kerana limitasi dari sudut bilangan sampel data, n . Beberapa penyelidik lepas menggunakan asas kaedah ARIMA dan memperkenalkan model baru iaitu kajian yang dilakukan oleh (Wang, Fang, & Gao, 2021) dan (Barbate, Gade and Shirish S. Rai, & Raibagkar, 2021). Namun, data yang dianalisis menggunakan kaedah ARIMA perlu melebihi 30 ($n > 30$), dan tidak sesuai dengan data yang digunakan dalam kajian ini, iaitu sampel data yang diperoleh ialah 5, ($n = 5$).

Jadual 2(d): Analisis regresi (R) KDNK, bilangan pelawat dan bilangan penduduk bekerja

R	R ²	Adjusted R ²	Standard error of estimation
0.960	0.922	0.844	1244.6627

Jadual 2(d) menunjukkan terdapat korelasi yang kuat antara KDNK bersama bilangan pelawat dan penduduk bekerja iaitu $R = 0.960$ hasil. Ini menunjukkan bahawa bilangan pelawat dan penduduk bekerja memberi impak yang signifikan ke atas KDNK di Melaka.

Carta 2(k): Analisis siri masa bagi KDNK di Melaka dari tahun 2015 – 2035

Analisis siri masa ke atas KDNK dijalankan dengan menggunakan bilangan pelawat dan bilangan penduduk yang telah diramal sebagai pembolehubah bebas bagi meramal nilai KDNK sehingga tahun 2035. **Carta 2(k)** menunjukkan ramalan nilai KDNK meningkat dengan kadar pertumbuhan sebanyak 50.8 peratus dari tahun 2022 sehingga tahun 2035. KDNK Negeri Melaka menurun sebanyak 6 peratus pada tahun 2020 iaitu RM41,028 juta dan diramal meningkat kepada RM75,419 juta pada 2035. Ini menunjukkan KDNK Melaka bergantung kepada jumlah bilangan pelawat dan penduduk yang bekerja di Melaka.

8.0 RUMUSAN

Pada tahun 2020, ekonomi Malaysia telah mengalami kejatuhan kesan pandemik virus COVID-19. Negeri Melaka juga tidak terkecuali merasai tempias kejatuhan ekonomi akibat pandemik serta langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19, antaranya aktiviti pengilangan dan perdagangan disekat, penutupan sempadan serta pergerakan rakyat yang terhad. Sehubungan dengan itu, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi membantu penduduk yang terkesan dengan pandemik ini.

Berdasarkan PSMJ 2035, Kerajaan Negeri Melaka telah menyasarkan KDNK Negeri sebanyak RM71,371 juta pada tahun 2035. Berdasarkan analisis regresi yang dijalankan, sasaran ini akan dapat dicapai pada tahun 2033 dengan anggaran KDNK sebanyak RM 71,524 juta sekiranya bilangan kedatangan pelawat dan penduduk yang bekerja di Melaka meningkat kepada 22.0 juta pelawat dan 548 ribu penduduk bekerja. Kajian ini mendapati KDNK Negeri Melaka akan sentiasa meningkat setiap tahun sekiranya bilangan pelawat di Melaka bertambah dan bilangan penduduk yang bekerja di Melaka meningkat.

Ekoran daripada bilangan data yang diperolehi adalah terhad, kajian ini boleh ditambah baik jika mempunyai data yang mencukupi untuk memastikan analisis yang dijalankan tidak mempunyai limitasi bagi mendapatkan hasil yang lebih jitu. Sekiranya julat data yang diperolehi mencukupi, kaedah analisis yang boleh digunakan adalah lebih pelbagai dan akan menghasilkan ramalan yang lebih tepat.

Kesimpulannya, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka di dalam PSMJ 2035 dilihat dapat merencanakan pembangunan ekonomi di Melaka dengan memperkukuhkan infrastruktur ekonomi negeri. Selain itu, peningkatan jumlah penganjuran acara dan promosi bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Melaka dapat melonjakkan bilangan pelawat di Melaka

dan seterusnya menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti perniagaan dan secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Melaka.

9.0 RUJUKAN

- Adegun, O. (2014). The Effects of Ebola Virus on the Economy of West Africa through the Trade Channel. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science*, 9(10), 48-56.
- Arkipova, A., Turkova, V., & Kuznetsova, O. (2021). World economy development forecast during the COVID-19 pandemic. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, (pp. 1-6). doi:10.1088/1755-1315/751/1/012132
- Bahtiar, R. A., & Saragih, J. P. (2020). Dampak COVID-19 Terhadap Perlambatan Ekonomi Sektor UMKM. 12(6), 19-24. doi:10.31004/jn.v4i2.1023
- Barbate, V., Gade and Shirish S. Rai, R., & Raibagkar, S. (2021). COVID-19 and Its Impact on the Indian Economy. *Vision: The Journal of Business Perspective*, 25(1), 1-13. doi:10.1177%2F0972262921989126
- Bausch, D., & Schwarz, L. (2014). Outbreak of Ebola Virus Disease in Guinea: Where Ecology Meets Economy. *Journal PLOS Neglected Tropical Diseases*, 8(7), 1-5. doi:10.1371/journal.pntd.0003056
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2020). Laporan Sosioekonomi Negeri Melaka 2021. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2022, Jun 20). From Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Dhawan, P., Shah, S., Alvares, J., Kher, A., Shankaran, Kandoth, P., . . . Kalro, R. (1998). Seroprevalence of hepatitis A virus in Mumbai, and immunogenicity and safety of hepatitis A vaccine. *Indian Journal of Gastroenterology : Official Journal of the Indian Society of Gastroenterology*, 17(1), 16-18.
- Franklin, O.-O., & Bockarie, M. M. (2018). The Political Economy of the Ebola Virus Disease. *Journal Indexing & Metrics*, 48(1), 18-35. doi:10.1177%2F0049085717743832
- Hadiwardoyo, W. (2020). Kerugian Ekonomi Nasional Akibat Pandemi COVID 19. *Journal of Business and Entrepreneurship*, 2(2), 83-92. doi:10.54268/baskara.2.2.83-92
- Hui, Z., Houdun, C., Wei, W., & Wenbo, S. (2020). Properties of Chinese railway network: Multilayer structures based on timetable data. *Physica A: Statistical Mechanics and its Applications*, 560, 125184. doi:10.1016/j.physa.2020.125184
- Iskandar, A., Possumah, B. T., & Aqbar, K. (2020). Peran Ekonomi dan Keuangan Sosial Islam Saat Pandemi Covid-19. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*, 7(7), 625-638. doi:10.15408/sjsbs.v7i7.15544

- Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka. (2022, Jun 14). *Ucapan Bajet 2022*. From jkpnm.melaka.gov.my/: https://jkpnm.melaka.gov.my/userfiles/user/Unit_Bajet/Ucapan_Bajet/2022.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021, Jun 21). From <https://www.dosm.gov.my/>: https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4_Press_Statement/2021/KDNK%20NEGERI%2C%202020-COMBINE.pdf
- KASIM, M. Y. (2020, May). Evolusi Struktur Ekonomi Malaysia Melalui Statistik KDNK. Newsletter MyCensus.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022, Jun 13). From MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia: <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf>
- Khurshid, A., & Khan, K. (2021). How COVID-19 shock will drive the economy and climate? A data- driven approach to model and forecast. *Environmental Science and Pollution Research*, 28(3), 2948–2958. doi:10.1007/s11356-020-09734-9
- Mehta, C., & Jha, M. S. (2020). COVID-19 : A nightmare for the Indian Economy. *UGC Care Journal*, 31(20), 333-347. doi:10.2139/ssrn.3612676
- Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). (2022, Jun). MySejahtera. Malaysia.
- Majlis Pembangunan Melaka Waterfront Economic Zone. (2022, Jun 23). From Melaka Waterfront Economic Zone: <https://mwez.com.my/>
- M.D., A. D. (2003). An economic analysis of different strategies of immunization against hepatitis a virus in developed countries. *Hepatology*, 29(2), 548-552. doi:10.1002/hep.510290225
- Omar, N., & Mat Radzuan, I. S. (2021). Kesan-Kesan Pewartaan Melaka Bandar Raya Bersejarah Sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. *Research In Management of Technology and Business* Vol. 2 No. 1, pp. 1443-1458.
- Sayuti, R. H., & Hidayati, S. A. (2020). Dampak Pandemi Covid-19 Terhadap Ekonomi Masyarakat di Nusa Tenggara Barat. *RESIPROKAL: Jurnal Riset Sosiologi Progresif Aktual*, 2(2), 2714-7614. doi:10.29303/resiprokal.v2i2.46
- Strilets, V., Prokopenko, O., & Orlov, V. (2020). Impact of Covid-19 On the Budget Security of the National Economy: A Forecast for Ukraine. *Public and Municipal Finance*, 9(1), 25-33.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN). (2022). *Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya Versi 2035*. Melaka: Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka.
- Wang, Y., Fang, Z., & Gao, W. (2021). COVID-19's Impact on China's Economy: A Prediction Model based on Railway Transportation Statistics. *Disasters*. doi:10.1111/disa.12476

- Xu, Z.-Y., Wang, X.-Y., Liu, C.-Q., Li, Y.-T., & Zhuang, F.-C. (2008). Decline in the risk of hepatitis A virus infection in China, a country with a booming economy and changing lifestyles. *Journal of Viral Hepatitis*, 15(s2), 33-37. doi:10.1111/j.1365-2893.2008.01026.x
- Yamali, F. R., & Putri, R. N. (2020). Dampak Covid-19 Terhadap Ekonomi Indonesia. *Journal of Economics and Business*, 4(2), 384-388. doi:10.33087/ekonomis.v4i2.179

DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk
- Struktur umur
- Nisbah jantina
- Nisbah tanggungan
- Kumpulan etnik warganegara
- Penduduk mengikut daerah pentadbiran

KELAHIRAN

KESUBURAN

KEMATIAN

JANGKAAN HAYAT

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

STATISTIK SISWAZAH

- Statistik siswazah Malaysia
- Statistik siswazah Melaka

MIGRASI

- Migrasi Malaysia
- Migrasi Melaka

BAB

3



PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk Melaka bertambah daripada 998.4 ribu pada tahun 2020 kepada 1,004.5 ribu pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.6 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2021 adalah 93.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Melaka.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Melaka, 2020-2021

Penduduk	2020	2021	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	998.4	1,004.5	0.6

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur muda dan umur bekerja di Melaka mencatatkan penurunan dari tahun 2020 hingga 2021. Pada tahun 2021, peratusan umur tua meningkat kepada 6.5 peratus (2020: 6.3%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur muda mencatatkan penurunan kepada 23.3 peratus (2020: 23.4%) dan umur bekerja kekal 70.2 peratus (2020: 70.2%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Melaka, 2020-2021

Kumpulan umur (%)	2020	2021
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	23.4	23.3
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	70.2	70.2
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	6.3	6.5

1.0 juta

Penduduk
Melaka,
2021



Warganegara

93.1% (2021)
92.9% (2020)



**Bukan
Warganegara**

6.9% (2021)
7.1% (2020)

33.2

Nisbah
tanggungan
umur muda,
2021

**Nisbah
Jantina**

111 : 100
Lelaki : Perempuan

9.2

Nisbah
tanggungan
umur tua,
2021

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Melaka kekal sama pada tahun 2021 dengan nisbah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Melaka menunjukkan kekal bagi tempoh 2020 hingga 2021. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend peningkatan daripada 9.0 pada tahun 2020 kepada 9.2 pada tahun 2021. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 33.2 pada tahun 2021 berbanding 33.4 pada tahun 2020.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Melaka, 2020-2021

Nisbah tanggungan	2020	2021
Umur muda	33.4	33.2
Umur tua	9.0	9.2
Jumlah	42.4	42.4

Kumpulan etnik warganegara


Pada tahun 2021, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan sebanyak 71.9 peratus (2020: 71.7%). Cina pula menunjukkan penurunan kepada 21.9 peratus pada tahun 2021 (2020: 22.1%) manakala peratusan penduduk India dan etnik lain kekal sama pada tahun 2021 iaitu masing-masing 5.6 peratus dan 0.6 peratus daripada keseluruhan warganegara di Melaka.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Melaka, 2020-2021


Kumpulan etnik warganegara Melaka (%)	2020	2021
Bumiputera	71.7	71.9
Cina	22.1	21.9
India	5.6	5.6
Etnik lain	0.6	0.6

Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Melaka Tengah mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2020 berbanding dua daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk sebanyak 597.1 ribu diikuti daerah pentadbiran Alor Gajah (249.4 ribu) dan Jasin (151.9 ribu). Daerah pentadbiran Melaka Tengah mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan masing-masing 314.4 ribu dan 282.7 ribu.

Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2020**597.1 ribu**

Melaka Tengah mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2020

Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Melaka, 2020 ('000)**151.9 ribu**

Jasin mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2020

Nota:

1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

14.9

Kadar kelahiran kasar bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

**18.5**


Bumiputera
Kadar kelahiran kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

KELAHIRAN

Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2020, kadar kelahiran kasar di Melaka mencatatkan penurunan berbanding 2019 iaitu daripada 15.2 kepada 14.9 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding 2019 iaitu daripada 15.8 kepada 15.3 dan daripada 14.5 kepada 14.4 bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Melaka, 2011-2020



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 18.5 pada tahun 2020 sementara etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 6.4 bagi setiap 1,000 penduduk. Sementara itu, penurunan kadar kelahiran kasar tertinggi dicatatkan oleh Cina iaitu daripada 8.1 pada 2019 kepada 7.3 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Melaka, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)


Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	20.1	19.8	19.6	19.6	18.9	18.5
Cina	9.8	9.2	8.7	8.3	8.1	7.3
India	12.5	11.4	11.1	11.1	10.8	10.8
Etnik lain ¹	5.6	5.7	5.3	4.8	4.9	6.4

¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Melaka Tengah mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu sebanyak 8,202 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Jasin iaitu 2,464 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Jasin dengan 16.0 manakala yang terendah dicatatkan oleh Melaka Tengah iaitu 14.4 bagi setiap 1,000 penduduk.

Paparan 3.2 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2020 (setiap 1,000 penduduk)



8,202 bayi

Melaka Tengah mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2020



16.0


Jasin mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2020

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2020, kadar kesuburan jumlah bagi Melaka menurun daripada 1.8 kepada 1.7 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding 2019. Carta 3.3 menunjukkan Melaka mencatatkan kadar kesuburan jumlah di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) mulai tahun 2015.

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Melaka, 2011-2020



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Kadar kesuburan jumlah bagi etnik lain meningkat pada tahun 2020 berbanding 2019 manakala Bumiputera, Cina dan India mencatatkan penurunan. Pada tahun 2020, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.0 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah dicatatkan oleh etnik lain iaitu 0.7.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Melaka, 2015-2020 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	2.4	2.3	2.3	2.2	2.1	2.0
Cina	1.4	1.3	1.2	1.2	1.1	1.0
India	1.6	1.4	1.4	1.4	1.4	1.3
Etnik lain ¹	0.6	0.6	0.6	0.5	0.6	0.7

¹Termasuk bukan warganegara

1.7 bayi

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020



2.0 bayi


Bumiputera
Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, 2020

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 5,440 kematian direkodkan di Melaka pada tahun 2020 meningkat 1.8 peratus berbanding kematian pada tahun 2019. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2020 adalah 5.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2019: 6.0 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Melaka, 2010-2020 (setiap 1,000 penduduk)




Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Melaka, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Jumlah kematian penduduk	4,959	5,186	5,523	5,407	5,542	5,440
Kadar kematian kasar (Lelaki)	6.2	6.4	6.7	6.6	6.6	6.6
Kadar kematian kasar (Perempuan)	4.9	5.1	5.4	5.1	5.3	5.1

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2020 adalah 6.4 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup, meningkat 0.1 mata berbanding 6.3 kematian bagi 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2019.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Melaka, 2010-2020



6.0

kematian

Kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk tahun 2017 dan 2019 dalam tempoh 2010-2020

Jumlah Kematian

Lelaki
3,068 (56.4%)

Perempuan
2,372 (43.6%)

6.4

kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2020

0

kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2019 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup



7.8

kematian


India

Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2020

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2020 meningkat kepada 21.7 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding tiada kematian pada tahun 2019.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Melaka, 2010-2020



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Bumiputera menurun 0.3 mata kepada 5.3 kematian dan Cina meningkat 0.2 mata kepada 7.7 kematian manakala kadar kematian kasar bagi India juga meningkat kepada 7.8 kematian (2019: 7.4 kematian). Kadar kematian etnik lain kekal pada 2.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2020.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Melaka, 2015-2020 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Bumiputera	5.3	5.4	5.6	5.5	5.6	5.3
Cina	6.9	7.1	7.6	7.1	7.5	7.7
India	6.8	7.5	8.0	7.8	7.4	7.8
Etnik lain ¹	2.2	2.3	2.8	2.3	2.3	2.3

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, 2020

Pada tahun 2020, penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian yang disahkan secara perubatan iaitu 759 kematian (20.6%) yang melibatkan 23.3 peratus bagi lelaki dan 16.7 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 9.2 peratus dan 8.0 peratus.

Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Melaka, 2020




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, 2020

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2020 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,145 kematian (65.2%) yang melibatkan 58.8 peratus bagi lelaki dan 71.6 peratus bagi perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 2.6 peratus dan 2.0 peratus.

Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Melaka, 2020



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2020, daerah Melaka Tengah mencatatkan bilangan kematian tertinggi sebanyak 3,156 kematian manakala daerah Jasin mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 966 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi direkodkan di Alor Gajah dan Jasin iaitu masing-masing pada kadar 6.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Melaka Tengah iaitu pada kadar 5.6 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Penyakit jantung iskemik

Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020



Sakit tua

Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada tahun 2020


6.3

Alor Gajah dan Jasin
mencatatkan kadar
kematian tertinggi,
2020

**72.7 tahun**

Bayi lelaki
Jangkaan hayat
ketika lahir,
2021

Paparan 3.5 Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Melaka, 2020




JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2021 di Melaka dijangka hidup lebih lama sehingga 78.4 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki, dijangka hidup sehingga 72.7 tahun.

Bagi tempoh 2017 sehingga 2021, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki dan perempuan masing-masing meningkat 0.9 tahun daripada 71.8 tahun (2017) kepada 72.7 tahun (2021) dan daripada 77.5 tahun kepada 78.4 tahun bagi tempoh yang sama.

Paparan 3.6 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Melaka, 2017-2021




Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada tahun 2021 dijangka hidup selama 58.5 tahun dan 64.1 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 73.5 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 79.1 tahun.

Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Melaka, 2017-2021



64.1 tahun


Perempuan
Jangkaan hayat
pada umur
15 tahun,
2021



Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 15.5 tahun dan 18.3 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga 80.5 tahun dan perempuan sehingga 83.3 tahun.

Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Melaka, 2017-2021



15.5 tahun


Lelaki
Jangkaan hayat
pada umur
65 tahun,
2021

TENAGA BURUH

Tenaga Buruh

Pada tahun 2021, tenaga buruh di Melaka meningkat 4.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: -1.4%). Sejumlah 444.1 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2021 berbanding 426.8 ribu orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 435.1 ribu orang pada tahun 2021 daripada 417.3 ribu orang pada tahun 2020.

Carta 3.7 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Melaka, 2010-2021



Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Melaka dengan peratus sumbangan sebanyak 23.2 peratus pada tahun 2021. Ini diikuti oleh kategori profesional dan kategori juruteknik & profesional berseketu dengan peratus sumbangan masing-masing 16.4 peratus dan 15.9 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional berseketu meliputi 35.9 peratus daripada keseluruhan pekerja di Melaka.

444.1 ribu

Tenaga
buruh di
Melaka, 2021

435.1 ribu

Bilangan
penduduk
bekerja,
2021

23.2%

Pekerja perkhidmatan
dan jualan catat
peratusan tertinggi,
2021

Jadual 3.9 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Melaka, 2016-2021

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	13.7	15.2	17.9	18.5	20.6	15.7
Profesional	47.6	54.0	56.8	61.4	61.8	71.4
Juruteknik & profesional bersekutu	47.9	62.8	62.1	62.5	56.2	69.0
Pekerja sokongan perkeranian	36.6	34.8	37.3	34.8	37.4	48.8
Pekerja perkhidmatan & jualan	103.7	100.0	102.9	107.7	108.6	100.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	10.3	8.2	7.5	7.9	9.1	4.5
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	41.3	33.9	31.8	34.8	34.0	28.6
Operator mesin & loji dan pemasang	59.0	60.0	62.9	63.4	57.3	59.1
Pekerja asas	37.4	37.3	37.5	37.4	32.2	37.1
Jumlah	397.3	406.2	416.7	428.3	417.3	435.1

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pengurus	3.4	3.7	4.3	4.3	4.9	3.6
Profesional	12.0	13.3	13.6	14.3	14.8	16.4
Juruteknik & profesional bersekutu	12.1	15.4	14.9	14.6	13.5	15.9
Pekerja sokongan perkeranian	9.2	8.6	8.9	8.1	9.0	11.2
Pekerja perkhidmatan & jualan	26.1	24.6	24.7	25.1	26.0	23.2
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	2.6	2.0	1.8	1.8	2.2	1.0
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	10.4	8.4	7.6	8.1	8.1	6.6
Operator mesin & loji dan pemasang	14.9	14.8	15.1	14.8	13.7	13.6
Pekerja asas	9.4	9.2	9.0	8.7	7.7	8.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

294.2 ribu

Pekerja tertumpu
pada sektor
Perkhidmatan,
2021

**2.6 ribu**

Sektor
**Perlombongan &
pengkuarian**
Bilangan pekerja
terendah, 2021

Seramai 294.2 ribu orang pekerja (67.6%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 95.3 ribu orang (21.9%), Pembinaan (30.9 ribu; 7.1%) dan Pertanian (12.2 ribu; 2.8%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 2.6 ribu orang (0.6%).

68.2%
Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Melaka, 2021



2.0%
Kadar
pengangguran di
Melaka, 2021

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut sektor, Melaka, 2016-2021

Sektor	Bilangan ('000)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	18.2	15.2	15.1	15.7	17.8	12.2
Perlombongan dan pengkuarian	2.9	2.2	3.0	3.6	2.3	2.6
Pembuatan	93.8	98.5	97.5	99.7	94.3	95.3
Pembinaan	27.6	30.5	26.9	28.9	27.8	30.9
Perkhidmatan	254.8	259.8	274.2	280.4	275.1	294.2
Jumlah	397.3	406.2	416.7	428.3	417.3	435.1

Sektor	Komposisi (%)					
	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Pertanian	4.6	3.7	3.6	3.7	4.3	2.8
Perlombongan dan pengkuarian	0.7	0.5	0.7	0.9	0.6	0.6
Pembuatan	23.6	24.2	23.4	24.4	22.6	21.9
Pembinaan	7.0	7.5	6.4	6.9	6.7	7.1
Perkhidmatan	64.1	64.1	65.9	64.1	65.9	67.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Melaka meningkat 2.0 mata peratus daripada 66.2 peratus pada tahun 2020 kepada 68.2 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, kadar pengangguran di Melaka menurun 0.2 mata peratus kepada 2.0 peratus pada tahun 2021 (2020: 2.2%).

Carta 3.8 KPTB dan kadar pengangguran, Melaka, 2010-2021




STATISTIK SISWAZAH

STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Malaysia meningkat sebanyak 4.7 peratus mencatatkan 5.61 juta orang berbanding tahun 2020 dengan 5.36 juta orang seperti pada Carta 3.9.

Carta 3.9 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2020-2021



Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, naik 4.6 peratus kepada 4.77 juta orang (2020: 4.56 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) kekal seperti tahun sebelumnya iaitu pada 85.0 peratus.

Manakala bagi siswazah bekerja, meningkat sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun 2020 mencatatkan 4.57 juta orang (2020: 4.35 juta orang). Sebaliknya, kadar pengangguran siswazah berkurang kepada 4.1 peratus berbanding 4.4 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Dari perspektif aktiviti ekonomi, siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi sumbangan sebanyak 77.4 peratus (3.54 juta orang). Sebanyak 13.7 peratus lagi (627.8 ribu orang) daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan,

5.61 juta

Bilangan siswazah
Malaysia,
2021

85.0%

Kadar penyertaan
tenaga buruh
siswazah
Malaysia,
2021

77.4%

Siswazah bekerja
berada dalam
sektor
Perkhidmatan,
2021


**RM4,582**

**Purata gaji &
upah bulanan**
siswazah di
Malaysia, 2021

diikuti 6.0 peratus dalam sektor Pembinaan (275.3 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus (95.5 ribu orang) dan 0.8 peratus (35.5 ribu orang) (Paparan 3.9).

Statistik

Paparan 3.9 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2021 ('000)




gaji dan upah siswazah, Malaysia

Dari perspektif gaji & upah bulanan yang diterima oleh siswazah, penengah dan purata gaji & upah pada tahun 2021 masing-masing adalah sebanyak RM3,911 dan RM4,582. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 2.5 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM 3,815. Manakala purata gaji naik 2.1 peratus daripada RM4,489.

Peningkatan purata dan penengah gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing sebanyak RM6,433 dan RM7,017. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing sebanyak RM1,590 dan RM1,984 (Paparan 3.10).

Paparan 3.10 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2021



Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki

adalah RM4,034 manakala perempuan menerima RM3,680. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,973 berbanding RM4,215 sebulan diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.11).


Paparan 3.11 Statistik gaji & upah siswazah mengikut jantina, Malaysia, 2020-2021



Berbanding penengah gaji & upah bulanan pada tahun 2020, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif. Siswazah dalam sektor Perkhidmatan mengalami pertambahan tertinggi sebanyak 2.3 peratus kepada RM4,128 (2020: RM4,037), diikuti sektor Pembuatan yang meningkat 1.4 peratus kepada RM3,072 (2020: RM3,029). Penengah gaji & upah bulanan siswazah di sektor Pertanian meningkat 1.3 peratus kepada RM2,404 (2020: RM2,374) manakala sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 0.9 peratus kepada RM3,284 (2020: RM3,254). Meskipun mencatatkan gaji & upah tertinggi, sektor Perlombongan & Pengkuarian merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.2 peratus kepada RM5,586 (2020: RM5,576).

Begitu juga, purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi juga meningkat pada tahap yang berbeza mengikut industri berbanding tahun sebelumnya (Paparan 3.12).

Paparan 3.12 Statistik gaji & upah siswazah mengikut aktiviti ekonomi, Malaysia, 2020-2021



RM3,983

Penengah gaji & upah bulanan siswazah lelaki di Malaysia, 2021



RM6,962


Sektor Perlombongan dan pengkuarian purata gaji dan upah tertinggi, 2021

STATISTIK SISWAZAH MELAKA

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2021, bilangan siswazah di Melaka adalah seramai 188.0 ribu orang, meningkat 0.2 peratus daripada 187.6 ribu orang pada tahun 2020. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 154.5 ribu orang, menurun 0.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 155.7 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 82.2 peratus, turun 1.2 mata peratus berbanding 83.0 peratus pada tahun 2020 seperti (Carta 3.10).

Carta 3.10 Statistik utama siswazah, Melaka, 2020-2021



Seramai 151.4 ribu orang siswazah bekerja di Melaka pada tahun 2021 dengan penurunan tahunan sebanyak 0.8 peratus (2020: 151.4 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah mencatatkan bilangan sebanyak 3.1 ribu orang (2020: 3.2 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Melaka pada tahun 2021 adalah 2.0 peratus (2020: 2.0%).


Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 17.8 peratus daripada jumlah siswazah di Melaka iaitu seramai 33.5 ribu orang pada tahun 2021, meningkat 1.6 peratus daripada 31.9 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Melaka menunjukkan komposisi siswazah di Melaka didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 57.9 peratus (108.9 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 42.1 peratus (79.1 ribu orang) pada tahun 2021. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 86.9 peratus manakala siswazah perempuan adalah 78.8 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih tinggi iaitu 2.6 peratus berbanding perempuan 1.6 peratus (Carta 3.15).

188.0 ribu
Bilangan siswazah
Melaka, 2021



151.4 ribu
Bilangan tenaga buruh siswazah
Melaka, 2021

Carta 3.11 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Melaka, 2021**57.3%**

Sumbangan
siswazah lelaki
berbanding
perempuan, 2021

Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, seramai 85.8 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2021, meningkat 7.8 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan penurunan 9.8 peratus kepada 68.7 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Melaka adalah seramai 66.9 ribu orang, lebih rendah berbanding siswazah bekerja perempuan (84.5 ribu orang). Sebaliknya, komposisi penganggur siswazah mendapati penganggur lelaki merangkumi 57.3 peratus dari keseluruhan penganggur atau 1.8 ribu orang, lebih rendah berbanding penganggur siswazah perempuan iaitu seramai 1.3 ribu orang.

Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 12.0 peratus kepada 23.1 ribu orang manakala siswazah lelaki turun 7.7 peratus kepada 10.4 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Melaka, 2020

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Melaka pada tahun 2021 adalah RM4,258 lebih tinggi dari tahun 2020 iaitu RM4,083. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,507 pada tahun 2021 meningkat dari RM3,420 pada tahun sebelumnya (Jadual 3.11).

Jadual 3.11 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Melaka, 2020^e-2021^p

Gaji & upah	Jumlah	
	2020 ^e	2021 ^p
Purata gaji (RM)	4,083	4,258
Penengah gaji (RM)	3,420	3,507

RM 4,258

Purata gaji &
upah siswazah di
Melaka, 2021

MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA

Penduduk berumur 1 tahun dan lebih yang berhijrah pada tahun 2020 menurun sebanyak 40.0 ribu orang kepada 484.1 ribu orang berbanding 524.1 ribu orang pada 2018. Kadar migrasi menyusut 0.1 mata peratus iaitu 1.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 1.6 peratus pada 2018. Migrasi dalam negeri pada tahun 2020 merekodkan penurunan 2.4 mata peratus berbanding 60.8 peratus pada 2018. Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan peningkatan 2.7 mata peratus kepada 31.2 peratus pada tahun 2020 daripada 28.5 peratus pada 2018. Manakala, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia adalah 10.4 peratus, menyusut 0.3 mata peratus berbanding 10.7 peratus pada 2018.

484.1 ribu

Bilangan migrasi
Malaysia, 2020



1.5%

Kadar migrasi
Malaysia, 2020

Carta 3.12 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2018 dan 2020



MIGRASI NEGERI MELAKA

Kadar migrasi Melaka

Pada tahun 2020, Melaka mencatatkan kadar migrasi 2.2 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2018. Peratusan migrasi Melaka datangnya daripada migrasi dalam negeri iaitu 51.4 peratus, diikuti migrasi antara negeri (44.7%) dan migrasi antarabangsa (3.9%).

Migrasi antara negeri

Pada tahun 2020, peratusan migrasi antara negeri bagi Melaka ialah 44.7 peratus, meningkat berbanding 39.5 peratus pada tahun 2018. Migrasi bersih merekodkan Melaka sebagai negeri penerima migran iaitu menurun 1.6 ribu orang kepada 3.7 ribu orang berbanding 5.3 ribu orang pada 2018. Migrasi ke Melaka ramainya datang daripada negeri Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Perak. Manakala migrasi dari Melaka ramainya ke negeri Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu.

Jadual 3.12 Lima negeri destinasi oleh migran dari Melaka dan negeri asal oleh migran ke Melaka, 2020

Negeri destinasi	Negeri asal
Johor	Pulau Pinang
Negeri Sembilan	Johor
Selangor	Sabah
Terengganu	Perak

Nisbah keberkesanan migrasi

Melaka mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi positif pada tahun 2020 iaitu 26.2 peratus. Ini menunjukkan penduduk Melaka bertambah seramai 26 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2018 (42.5%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Taburan peratus tertinggi migrasi antara negeri di Melaka adalah dari bandar ke bandar iaitu 91.2 peratus, diikuti luar bandar ke luar bandar (5.2%) dan bandar ke luar bandar (3.6%).

2.2%

Kadar migrasi
Melaka, 2020



26.2%

nisbah keberkesanan
migrasi, Melaka
2020

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK NEGERI MELAKA

- Kedatangan pelawat, 2021
- Negeri asal pelancong, 2021
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021
- Terimaan pelancongan domestik, 2020
- Tujuan perjalanan, 2020

BAB

4





STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada tahun 2021, pelancongan domestik Malaysia mengalami kejatuhan yang signifikan bagi bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Jadual 4.1 menunjukkan seramai 66.0 juta pelawat domestik dicatatkan pada tahun 2021 dengan penurunan sebanyak 49.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 131.7 juta). Sejumlah 72.4 juta perjalanan pelancongan direkodkan berbanding 147.0 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2020.

Perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan penurunan sebanyak 54.5 peratus, iaitu RM18.4 bilion pada tahun 2021 berbanding RM40.4 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM254 iaitu merosot sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2021. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2021 adalah 2.19 hari.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2020-2021

Statistik utama	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	131.7	66.0	-49.9
Bilangan perjalanan (juta)	147.0	72.4	-50.7
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	40.4	18.4	-54.5
Purata perbelanjaan (RM)	275	254	-7.5
Purata bilangan hari menginap (hari)	1.93	2.19	13.2
Purata perjalanan	1.12	1.10	-1.7

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

66.0 juta

Jumlah pelawat domestik, 2021

Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan menyusut pada tahun 2021

RM18.4 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2021

-67.8%

Kemerosotan
bilangan
pelancong pada
tahun 2021

**78.5%**

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun
2021

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2021 adalah seramai 51.1 juta orang dengan penurunan sebanyak 40.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong merosot daripada 46.3 juta orang pada tahun 2020 kepada 14.9 juta orang (-67.8%) seperti pada Jadual 4.2.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2020-2021

Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	85.4	51.1	-40.2
Pelancong	46.3	14.9	-67.8
Jumlah	131.7	66.0	-49.9

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2021, sumbangan perjalanan harian dan perjalanan bermalam masing-masing adalah 78.5 peratus dan 21.5 peratus. Sumbangan perjalanan bermalam adalah 32.9 peratus pada tahun 2020 iaitu menyusut sebanyak 11.4 mata peratus (Paparan 4.1).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2020-2021

Perjalanan Harian


	2021	78.5%
	2020	67.1%

Perjalanan Bermalam

	2021	21.5%
	2020	32.9%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Ekoran daripada COVID-19 lockdown, jumlah perbelanjaan pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan penurunan pada tahun 2021. Perbelanjaan pelancong menyusut sebanyak 68.0 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian menurun kepada RM11.0 bilion daripada RM17.2 bilion pada tahun sebelumnya (Paparan 4.2).

Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2020-2021

-54.5%
Perbelanjaan pelancongan domestik merosot pada tahun 2021

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MELAKA**Kedatangan pelawat, 2021**

Melaka menerima seramai 3.88 juta pelawat domestik pada tahun 2021 berbanding 7.28 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Penurunan bilangan pelawat adalah disebabkan oleh kemerosotan bilangan pelancong sebanyak 65.2 peratus iaitu kepada 1.00 juta pelancong berbanding 2.86 juta pelancong pada tahun 2020 seperti pada Jadual 4.3.

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Melaka, 2020-2021


Jenis pelawat	2020	2021	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	2.86	1.00	-65.2
Pelawat domestik	7.28	3.88	-46.7

3.88 juta
Ketibaan pelawat domestik di Melaka pada tahun 2021

Negeri asal pelancong, 2021

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Melaka pada tahun 2021. Berdasarkan survei, pelancong berasal dari negeri Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.40 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Melaka (0.14 juta pelancong), Negeri Sembilan (0.13 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (0.12 juta pelancong) dan Johor (0.06 juta pelancong).

Selangor
Negeri asal pelancong yang paling ramai berkunjung ke Melaka, 2021

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Melaka, 2021

0.40 juta

Pelancong dari
Selangor yang
mengunjungi negeri
Melaka
pada tahun
2021



**Pantai
Emas Klebang**

Destinasi
tumpuan utama
pelawat domestik
pada tahun
2021

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2021

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Melaka pada tahun 2021, iaitu Pantai Emas Klebang di Klebang, Mahkota Parade dan Dataran Pahlawan di Bandaraya Melaka, Taman Botanical Melaka di Ayer Keroh dan Pantai Pengkalan Balak.

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Melaka, 2021




Terimaan pelancongan domestik, 2020

Pada tahun 2020, dari segi nilai terimaan, sejumlah RM2.4 bilion telah dibelanjakan oleh pelawat domestik semasa berkunjung ke Melaka. Trend penurunan ini disumbangkan oleh pengurangan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak negatif 62.1 peratus dan negatif 63.4 peratus seperti pada Paparan 4.4.


Sementara itu, purata terimaan per perjalanan pada 2020 merekodkan penurunan kepada RM238 berbanding RM265 pada tahun sebelumnya.

Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2019-2020



Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 46.0 peratus daripada jumlah terimaan (2019: 38.8%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (23.2%), pembelian bahan api kenderaan (9.9%) dan penginapan (6.4%) seperti pada Paparan 4.5.

Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Melaka mengikut komponen, 2019-2020



RM2.4 bilion

Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke **Melaka** pada tahun 2020

46.0%

Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen **membeli-belah**, 2020

Tujuan perjalanan, 2020

Pada tahun 2020, majoriti pelancong berkunjung ke Melaka untuk tujuan melawat saudara-mara & rakan iaitu sebanyak 50.5 peratus seperti Paparan 4.6. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percution/mengisi masa lapang/berehat (47.0%) dan urusan rasmi/pendidikan (1.1%).

Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Melaka, 2020



50.5%

Melawat saudara- mara & rakan merupakan tujuan utama pelancong melakukan perjalanan ke Melaka, 2020

STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA


- Jumlah perdagangan
- Eksport
- Eksport mengikut negara destinasi
- Import
- Import mengikut negara asal

SOROTAN PERDAGANGAN MELAKA

- Eksport dan import utama
- Eksport barangan
- Import barangan
- Imbangan perdagangan

BAB

5



STATISTIK PERDAGANGAN

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.23 trilion, pertumbuhan dua angka 24.9 peratus atau RM444.1 bilion pada tahun 2021 berbanding RM1.78 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport Malaysia bernilai RM1.24 trilion, manakala jumlah import meningkat kepada RM987.3 bilion telah menjadikan lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM253.7 bilion, peningkatan sebanyak 38.4 peratus daripada RM183.3 bilion pada tahun 2020.

Peningkatan jumlah perdagangan berlaku di kebanyakan negeri terutamanya Selangor yang meningkat RM112.6 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM94.4 bilion), Johor (RM87.4 bilion), Kedah (RM32.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM22.2 bilion), Sarawak (RM22.2 bilion), Perak (RM20.4 bilion), Pahang (RM13.0 bilion), Negeri Sembilan (RM13.0 bilion), Melaka (RM10.5 bilion) dan Terengganu (RM9.7 bilion).

Eksport

Pada tahun 2021, eksport meningkat 26.1 peratus kepada RM1.24 trilion dipengaruhi oleh peningkatan eksport produk utama seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang menyumbang 18.3 peratus kepada jumlah eksport, meningkat RM38.0 bilion (20.1%) kepada RM227.3 bilion.

2

Keluaran petroleum bertapis yang merangkumi 6.9 peratus daripada jumlah eksport, naik RM32.4 bilion atau 60.4 peratus kepada RM86.2 bilion.

3

Minyak kelapa sawit menyumbang 5.2 peratus kepada jumlah eksport meningkat sebanyak RM19.0 bilion (41.6%) kepada RM64.6 bilion.

Peningkatan jumlah perdagangan terutamanya di **Selangor dan Pulau Pinang**



**RM
2.23
trilion**

Jumlah perdagangan **Malaysia,** 2021

China & Singapore

Destinasi utama
eksport
Malaysia




15.5%

Peratusan
eksport ke China
pada tahun 2021

Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada tahun 2021 ialah China dan Singapore.

Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2021




Eksport ke China yang merangkumi 15.5 peratus daripada eksport Malaysia meningkat 20.9 peratus kepada RM192.5 bilion. Peningkatan ini didorong oleh eksport yang lebih tinggi bagi produk seperti Paparan 5.2.

Paparan 5.2 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2021



Eksport ke Singapore yang meliputi 14.0 peratus daripada eksport Malaysia pada tahun 2021 meningkat 22.4 peratus kepada RM174.0 bilion berbanding 2020. Produk utama yang menyebabkan peningkatan tersebut adalah litar elektronik bersepadu, keluaran petroleum bertapis dan barangan elektrik dan elektronik yang lain.

Paparan 5.3 Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapore, 2021



Import


Import Malaysia merekodkan nilai RM987.3 bilion pada tahun 2021, meningkat sebanyak RM186.9 bilion atau 23.3 peratus (2020: RM800.5 bilion). Produk utama yang mendorong peningkatan ini adalah:

- Litar elektronik bersepadu** menyumbang 14.0 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM31.5 bilion (29.5%) kepada RM138.5 bilion
- Keluaran petroleum bertapis** yang merangkumi 8.4 peratus daripada jumlah import, naik RM26.7 bilion atau 47.4 peratus kepada RM82.9 bilion
- Barangan elektrik dan elektronik yang lain** menyumbang 5.7 peratus daripada jumlah import, meningkat sebanyak RM12.6 bilion (28.7%) kepada RM56.4 bilion.

Import mengikut negara asal


Import dari China bernilai RM229.0 bilion (23.2% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM56.8 bilion (33.0%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut diperlihatkan di Paparan 5.4.

Paparan 5.4 Produk yang mempengaruhi peningkatan import dari China, 2021



Import dari Singapura bernilai RM93.6 bilion (9.5% dari jumlah import Malaysia) meningkat RM20.0 bilion (27.1%) berbanding tahun sebelumnya. Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan tersebut adalah seperti Paparan 5.5.

Paparan 5.5 Produk yang mempengaruhi peningkatan import dari Singapore, 2021



SOROTAN PERDAGANGAN MELAKA

Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Melaka pada tahun 2021 bernilai RM63.7 bilion. Nilai eksport Melaka berjumlah RM37.5 bilion pada tahun 2021, meningkat sebanyak 26.6 peratus berbanding RM29.6 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai import Melaka meningkat 11.1 peratus kepada RM26.3 bilion berbanding RM23.6 bilion pada tahun 2020.

Carta 5.1 Perdagangan Melaka dengan dunia, 2015-2021^P

Eksport Barangan

Antara eksport barangan utama Melaka pada tahun 2021 adalah keluaran petroleum bertapis yang bernilai RM10.4 bilion dengan pertumbuhan 61.0 peratus. Litar elektronik bersepadu pula meningkat 11.9 peratus seterusnya injap dan tiub lain, fotosel, dll. meningkat 14.4 peratus. Walau bagaimanapun, barangan elektrik dan elektronik yang lain menurun 15.2 peratus manakala alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l. meningkat 205.8 peratus.

Jadual 5.1 Eksport barangan mengikut komoditi utama Melaka, 2015-2021^P

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)							Peratus perubahan 2021
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 ^P	
Jumlah eksport barangan	28,078	29,790	34,665	30,647	28,849	29,596	37,459	26.6
Keluaran petroleum bertapis	7,012	6,553	8,004	8,297	6,605	6,483	10,438	61.0
Litar elektronik bersepadu	8,421	9,748	11,269	7,450	7,191	6,937	7,762	11.9
Injap dan tiub lain, fotosel, d.l.l.	4,393	4,743	4,870	4,421	4,157	3,980	4,555	14.4
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	726	694	785	921	827	2,395	2,030	-15.2
Alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l.	360	476	808	418	359	237	725	205.8

RM 63.7 bilion
Jumlah perdagangan Melaka, 2021



RM 37.5 bilion
Jumlah eksport barangan Melaka, 2021

Singapore merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Melaka dengan sumbangan sebanyak 21.4 peratus (RM3.7 bilion) daripada jumlah perdagangan. China (RM6.7 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti oleh Germany (RM5.6 bilion), Viet Nam (RM3.6 bilion) dan Taiwan, Province of China (RM3.3 bilion).

Destinasi eksport utama Melaka pada tahun 2021 adalah Singapura dengan jumlah eksport bernilai RM12.2 bilion diikuti China dengan RM3.7 bilion. Selain itu, eksport ke Viet Nam bernilai RM3.2 bilion manakala eksport ke Germany dan United States of America masing-masing bernilai RM2.5 bilion dan RM1.7 bilion.

Import Barangan

Antara import barangan utama Melaka pada tahun 2021 adalah petroleum mentah yang mengalami penurunan 16.5 peratus, diikuti oleh litar elektronik bersepadu yang meningkat 7.1 peratus. Selain itu, peningkatan turut direkodkan oleh keluaran besi gelek rata atau keluli sebanyak 55.6 peratus. Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti dan kristal piezo elektrik & alat ganti masing-masing meningkat 124.1 peratus dan 43.5 peratus.

Pada tahun 2021, sumber import utama Melaka adalah Germany (RM3.1 bilion) dan Saudi Arabia (RM3.1 bilion), diikuti oleh China (RM3.0 bilion), Taiwan, Province of China (RM2.4 bilion) dan Thailand (RM2.0 bilion).

Singapore

Rakan dagang
dua hala terbesar
Melaka

**RM
26.3
bilion**

Jumlah import
barangan
Melaka, 2021

-16.5%

Peratus perubahan
tahunan import
**petroleum
mentah**

Jadual 5.2 Import barangan mengikut komoditi utama Melaka, 2015-2021^P

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)							Peratus perubahan 2021
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021 ^P	
Jumlah import barangan	27,043	26,091	29,032	35,285	33,711	23,638	26,270	11.1
Petroleum mentah	6,104	5,907	5,631	11,331	9,868	6,123	5,110	-16.5
Litar elektronik bersepadu	3,108	3,118	3,465	3,330	3,881	3,300	3,535	7.1
Keluaran besi gelek rata atau keluli	572	769	1,049	1,183	1,171	894	1,391	55.6
Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti	680	806	755	855	662	574	1,285	124.1
Kristal piezo elektrik & alat ganti	1,499	1,549	1,281	1,115	1,157	887	1,273	43.5

Singapore

Imbangan perdagangan dua hala **Melaka** dengan Singapore mencatatkan lebih dengan nilai tertinggi



Saudi Arabia

Merekodkan imbangan perdagangan **defisit tertinggi**

Imbangan Perdagangan

Dari sudut imbangan perdagangan dua hala, Melaka mencatatkan lebih perdagangan tertinggi dengan Singapore iaitu sebanyak RM10.8 bilion, diikuti oleh Viet Nam dengan nilai eksport bersih sebanyak RM2.7 bilion dan Australia dengan nilai RM906 juta. Walau bagaimanapun, Melaka mencatatkan imbangan perdagangan defisit dengan Saudi Arabia (-RM3.0 bilion) dan diikuti oleh Taiwan, Province of China (-RM1.5 bilion).

Jadual 5.3 Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Melaka, 2021^P

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh dunia	37,459	100.0	26,270	100.0	11,189	63,730	100.0	
Singapore	12,232	32.7	1,421	5.4	10,811	13,653	21.4	1
China	3,681	9.8	3,020	11.5	661	6,702	10.5	2
Germany	2,476	6.6	3,119	11.9	-643	5,595	8.8	3
Viet Nam	3,174	8.5	450	1.7	2,724	3,624	5.7	4
Taiwan, Province of China	863	2.3	2,402	9.1	-1,539	3,265	5.1	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Hasil Kerajaan Persekutuan
- Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan
- Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

- Hasil kerajaan negeri
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri
- Surplus/defisit kerajaan negeri

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

- Prestasi kewangan PBT

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI MELAKA

- Hasil Kerajaan Negeri Melaka
- Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka
- Surplus/defisit Kerajaan Negeri Melaka
- Pihak berkuasa tempatan Melaka



STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Hasil Kerajaan Persekutuan

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi seluruh dunia disebabkan oleh antaranya pandemik COVID-19, Malaysia juga tidak terkecuali. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan terutamanya dalam kutipan hasil turut menerima kesan berikutan daripada beberapa faktor antaranya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelonggaran cukai dan juga harga minyak mentah yang rendah.

Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan penyusutan sebanyak 14.9 peratus pada tahun 2020. Jumlah hasil tersebut berkurang sebanyak RM39.3 bilion iaitu daripada RM264.4 bilion pada tahun 2019 kepada RM225.1 bilion pada tahun 2020 seperti pada Jadual 6.1.

Jadual 6.1 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2019-2020

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2019	2020	
Hasil cukai	180.6	154.4	-14.5
Hasil bukan cukai	79.8	62.0	-22.3
Terimaan bukan hasil	3.3	8.0	141.6
Hasil Wilayah Persekutuan	0.73	0.68	-7.5
Jumlah hasil	264.4	225.1	-14.9

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan semua komponen kutipan hasil kecuali terimaan bukan hasil yang mencatatkan peningkatan memberangsangkan. Hasil cukai mendominasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan sebanyak 68.6 peratus dan merekodkan penguncupan 14.5 peratus iaitu daripada RM180.6 bilion kepada RM154.4 bilion.

RM 225.1 bilion
Jumlah
hasil Kerajaan
Persekutuan
pada tahun
2020



-14.5%
Penurunan pertumbuhan
hasil cukai Kerajaan
Persekutuan
pada tahun
2020

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mencatatkan penurunan kepada RM276.0 bilion pada tahun 2020 seperti pada Jadual 6.2. Pengurangan ini didorong oleh perbelanjaan mengurus yang menguncup sebanyak 14.7 peratus iaitu kepada RM224.6 bilion daripada RM263.3 bilion pada tahun 2019.

Pemberian dan kenaikan bayaran merupakan antara penyumbang kepada penurunan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dengan pengurangan sebanyak RM38.1 bilion atau 25.6 peratus iaitu daripada RM148.8 bilion kepada RM110.7 bilion pada tahun 2020. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan turut mencatatkan penurunan sebanyak 5.2 peratus iaitu daripada RM54.2 bilion pada tahun 2019 kepada RM51.4 bilion pada tahun 2020.

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Jadual 6.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2019-2020

Perbelanjaan	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2019	2020	
Perbelanjaan mengurus	263.3	224.6	-14.7
Perbelanjaan pembangunan	54.2	51.4	-5.2
Jumlah perbelanjaan	317.5	276.0	-13.1

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kumpulan Wang COVID-19 telah diwartakan pada 26 Oktober 2020 sebagai salah satu inisiatif menghadapi wabak COVID-19 yang diperuntukkan dalam Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Pelbagai insentif yang dilaksanakan antaranya Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat PKS (PRIHATIN PKS+) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Pada tahun 2020, sebanyak RM38.0 bilion telah dibelanjakan di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Selain itu, sebahagian besar Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 ini melibatkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi meringankan beban rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah berjumlah RM16.2 bilion. Sebanyak RM13.0 bilion telah dibelanjakan untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan manakala bagi tujuan memacu aktiviti ekonomi pula, sebanyak RM2.9 bilion digunakan untuk Projek Berskala Kecil dan RM2.6 bilion untuk Geran Prihatin PKS.

-13.1%
Penurunan jumlah
**perbelanjaan Kerajaan
Persekutuan**
pada tahun
2020



RM 38.1 bilion
Pengurangan
perbelanjaan dalam
pemberian dan
kenaikan bayaran
pada tahun
2020

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri


Kerajaan negeri memperoleh hasil daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain.

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM10.6 bilion (2019: RM7.3 bilion) dan dengan pertumbuhan sebanyak 46.5 peratus (Carta 6.1). Peningkatan ini disumbangkan oleh hasil cukai dengan sumbangan sebanyak 60.0 peratus dan merekodkan pertumbuhan sebanyak 319.9 peratus pada tahun 2020.

Kerajaan Negeri Sabah merekodkan kutipan hasil kedua tertinggi yang berjumlah RM3.6 bilion berbanding RM4.3 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini dipengaruhi oleh pengurangan hasil bukan cukai sebanyak 32.5 peratus.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor juga merekodkan pengurangan hasil sebanyak RM62.5 juta dengan nilai hasil sebanyak RM2.3 bilion. Secara keseluruhannya, semua negeri merekodkan penurunan dalam kutipan hasil kecuali Sarawak dan Pahang. Pahang mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus iaitu daripada RM0.8 bilion kepada RM0.9 bilion pada tahun 2020.

Carta 6.1 Kutipan hasil kerajaan negeri, 2019-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM 10.6 bilion
Sarawak
kutipan hasil
tertinggi pada
tahun 2020



RM 3.6 bilion
Sabah
kutipan hasil kedua
tertinggi pada tahun
2020

RM10.3 bilion

Sarawak
mencatatkan
perbelanjaan
mengurus
tertinggi



6 negeri

mencatatkan
peningkatan
dalam
perbelanjaan
mengurus


Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM10.3 bilion berbanding RM9.4 bilion pada tahun 2019 dengan pertambahan sebanyak RM0.9 bilion atau meningkat 9.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (Carta 6.2). Peningkatan perbelanjaan mengurus ini didorong oleh pertambahan dalam pemberian dan kenan bayaran tetap dan perbelanjaan lain.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah pula memperuntukkan sebanyak RM4.5 bilion pada tahun 2020 bagi perbelanjaan mengurus. Negeri ini mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan berjumlah RM0.5 bilion atau 11.7 peratus, disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan aset dan pemberian dan kenan bayaran tetap yang masing-masing bertambah sebanyak RM0.2 bilion dan RM0.7 bilion.

Empat negeri yang lain turut mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang meningkat 26.3 peratus iaitu sebanyak RM734.1 juta, diikuti Kerajaan Negeri Kelantan (RM701.6 juta), Kerajaan Negeri Pahang (RM662.4 juta) dan Kerajaan Negeri Sembilan (RM490.0 juta).

Carta 6.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2019-2020




Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan surplus terbesar berjumlah RM366.6 juta pada tahun 2020 berbanding defisit sejumlah RM2.1 bilion pada tahun 2019. Surplus ini dipacu oleh peningkatan hasil cukai.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Sabah mencatatkan defisit terbesar berjumlah RM934.6 juta pada tahun 2020 berbanding surplus sebanyak RM214.2 juta pada tahun 2019. Defisit ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Secara keseluruhannya, enam negeri merekodkan surplus pada tahun 2020, manakala tujuh negeri memperoleh defisit seperti di Carta 6.3.

Carta 6.3 Surplus/defisit mengikut negeri, 2019-2020 - RM juta



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

6 negeri
mencatatkan
surplus
pada tahun
2020



RM 0.4 billion
Surplus bagi
Kerajaan Negeri
Sarawak
pada tahun
2020

154 PBT**18** Dewan/majlis bandaraya**38** Majlis perbandaran**93** Majlis daerah**5** Agensi diberi kuasa PBT**RM3.1 bilion**Pendapatan
DBKL
pada tahun
2020

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Terdapat 154 PBT di Malaysia yang terdiri daripada dewan/majlis bandaraya (DB/MB), majlis perbandaran (MP) dan majlis daerah (MD). Dewan/majlis bandaraya merangkumi 18 PBT manakala majlis perbandaran dan majlis daerah masing-masing sebanyak 38 dan 93 PBT dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu, lima badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Lembaga Pembangunan Tioman dan Lembaga Bandaran Kudat.

Sementara itu, prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Prestasi kewangan PBT

Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

a. Dewan/majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 18 dewan/majlis bandaraya, 10 dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi kewangan tertinggi melibatkan pihak berkuasa tempatan W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perak.

Secara umumnya, daripada 10 PBT tersebut, empat dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2020. Namun, enam dewan/majlis bandaraya memperlihatkan penyusutan terdiri daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai seperti di Carta 6.4.

Melihat dari aspek pendapatan, DBKL merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM3.1 bilion meskipun bertumbuh pada paras negatif 3.6 peratus pada tahun 2020. Selain itu, tiga PBT daripada Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Subang Jaya

masing-masing memperoleh pendapatan sebanyak RM468.5 juta, RM381.9 juta dan RM314.0 juta.


Di Johor pula, Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan sebanyak RM403.3 juta dan merupakan PBT ketiga tertinggi dalam kelompok dewan/majlis bandaraya, manakala Majlis Bandaraya Iskandar Puteri merekodkan pendapatan sebanyak RM271.8 juta.

Sementara itu, dua PBT Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mencatatkan pendapatan berjumlah RM383.6 juta dan RM258.5 juta.

Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Seremban masing-masing merekodkan pendapatan sebanyak RM344.9 juta dan RM303.0 juta pada tahun 2020.

Carta 6.4

Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia

Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota : MB Seremban bergabung dengan MP Nilai

b. Majlis perbandaran

Daripada keseluruhan 38 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Selangor, Pahang, Perak dan Johor (Carta 6.5).

Pada tahun 2020, Majlis Perbandaran Sepang memperoleh pendapatan tertinggi iaitu RM546.7 juta berbanding pada tahun 2019 sebanyak RM192.5 juta dengan pertumbuhan yang memberangsangkan berbanding majlis perbandaran lain.

3.1%

Pertumbuhan
positif **MB
Shah Alam**
pada tahun
2020



-3.6%

Pengurangan
pendapatan **DBKL**
pada
tahun 2020

183.9%

Pertumbuhan
pendapatan
MP Sepang
pada tahun
2020

**RM546.7 juta**


Pendapatan MP
Sepang untuk
tahun 2020

Pada masa yang sama, terdapat lima majlis perbandaran di Selangor berada dalam kelompok penyumbang tertinggi di kalangan majlis perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Selayang (RM456.4 juta), Majlis Perbandaran Klang (RM284.1 juta), Majlis Perbandaran Kajang (RM226.1 juta), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (RM166.1 juta) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (RM112.8 juta).

Melihat prestasi kewangan di Pahang, Majlis Perbandaran Kuantan merekodkan pendapatan sebanyak RM164.5 juta. Manakala di Johor pula, Majlis Perbandaran Kulai merekodkan peningkatan dalam perolehan pendapatan daripada RM101.4 juta kepada RM111.6 juta pada tahun 2020.

Dua majlis perbandaran dari Perak merupakan antara PBT yang mencatatkan pendapatan tertinggi. Majlis Perbandaran Teluk Intan bertumbuh 67.7 peratus menjadikan pendapatan pada tahun 2020 berjumlah RM107.4 juta. Sebaliknya, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar merekodkan pengurangan pendapatan daripada RM283.3 juta pada tahun 2019 kepada RM119.2 juta pada tahun 2020.

Carta 6.5 Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

c. Majlis daerah

Daripada 93 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Selangor, Pahang, Perak, Johor dan Kelantan.

Secara keseluruhannya, daripada 10 majlis daerah tersebut dua majlis daerah menunjukkan penurunan pendapatan iaitu Majlis

Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kampar.


Di Selangor terdapat dua majlis daerah merekodkan prestasi kewangan tertinggi dalam kelompok majlis daerah iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor dengan pendapatan sebanyak RM128.1 juta pada tahun 2020 seperti pada Carta 6.6. Ini diikuti dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dengan pendapatan berjumlah RM63.2 juta.

Sementara itu, dua majlis daerah Pahang menunjukkan peningkatan pendapatan iaitu Majlis Daerah Pekan dengan pendapatan sebanyak RM63.2 juta meningkat dari RM51.0 juta dan Majlis Daerah Rompin RM47.1 juta dari RM43.1 juta.

Terdapat empat majlis daerah Perak berada di dalam kategori 10 pendapatan tertinggi iaitu Majlis Daerah Kerian dengan merekodkan prestasi kewangan berjumlah RM55.1 juta, diikuti Majlis Daerah Tanjong Malim yang memperlihatkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 63.2 peratus dengan perolehan pendapatan RM41.1 juta pada tahun 2020. Seterusnya, Majlis Daerah Batu Gajah (RM37.3 juta) dan Majlis Daerah Kampar (RM35.0 juta).

Pada masa yang sama, Majlis Daerah Pontian mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM43.4 juta manakala Majlis Daerah Tumpat meningkat sebanyak 0.8 peratus dengan memperoleh pendapatan berjumlah RM34.3 juta.

Carta 6.6 Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2019-2020



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan PBT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

63.2%

Pertumbuhan
MD Tanjong
Malim pada
tahun 2020



RM128.1 juta


Pendapatan MD
Hulu Selangor untuk
tahun 2020

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Hasil Kerajaan Negeri Melaka

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2020, kutipan hasil Kerajaan Negeri Melaka adalah sebanyak RM392.9 juta. Penyumbang tertinggi dalam kutipan hasil kerajaan ini adalah daripada hasil bukan cukai dengan sumbangan sebanyak 56.0 peratus seperti pada Carta 6.7.

Carta 6.7 Hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Secara keseluruhan, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2020 merekodkan penurunan iaitu sebanyak 6.3 peratus daripada RM419.1 juta kepada RM392.9 juta (Carta 6.8). Penyusutan ini disebabkan oleh pengurangan terimaan bukan hasil berjumlah RM44.8 juta.

Carta 6.8 Siri masa hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2015-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM392.9 juta

Hasil Kerajaan
Negeri Melaka
pada tahun
2020



56.0%

Sumbangan hasil
bukan cukai
pada tahun
2020

Hasil Kerajaan Negeri Melaka disumbangkan oleh lima sumber utama dengan sumbangan tertinggi iaitu cukai tanah semasa bernilai RM76.6 juta diikuti premium tanah berjumlah RM66.3 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan negeri Melaka adalah pemberian hitung kepala, bayaran pendaftaran pindah milik tanah, dan pemberian caj perkhidmatan projek persekutuan seperti yang tercatat pada Jadual 6.3.

Jadual 6.3 Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Melaka, 2019-2020


Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2019	2020
Cukai tanah semasa	79.7	76.6
Premium tanah	108.7	66.3
Pemberian hitung kepala	15.7	15.9
Bayaran pendaftaran pindah milik tanah	13.3	12.2
Pemberian caj perkhidmatan projek persekutuan	10.3	10.0
Jumlah	227.7	180.9

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berjumlah RM390.0 juta. Sejumlah RM376.7 juta atau 96.6 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan (Carta 6.9).

Carta 6.9 Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka, 2015-2020



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

RM76.6 juta

Cukai tanah semasa merupakan penyumbang hasil tertinggi



-6.1%

Penurunan perbelanjaan mengurus pada tahun 2020

-15.2%
Penurunan
 perbelanjaan
 pemberian dan
 kenaikan bayaran tetap
Melaka pada
 tahun 2020



RM 16.1 juta
Surplus Kerajaan
Negeri Melaka
 pada tahun
 2020

Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka mencatatkan pengurangan sebanyak RM24.3 juta atau negatif 6.1 peratus iaitu daripada RM401.0 juta pada tahun 2019 kepada RM376.7 juta pada tahun 2020 (Jadual 6.4).

Pemberian & kenaikan bayaran tetap Kerajaan Negeri Melaka merekodkan pengurangan pada kadar negatif 15.2 peratus. Selain itu, perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta perbelanjaan lain turut menyumbang penurunan perbelanjaan mengurus ini. Walau bagaimanapun, perbelanjaan aset menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2019.

Jadual 6.4 Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Melaka, 2019-2020

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2019	2020	RM juta	%
Emolumen	111.3	108.3	-3.0	-2.7
Perkhidmatan dan bekalan	155.0	153.5	-1.5	-0.9
Aset	3.4	6.3	2.9	86.9
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	126.9	107.6	-19.2	-15.2
Perbelanjaan lain	4.6	1.1	-3.5	-76.6
Jumlah	401.0	376.7	-24.3	-6.1

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit Kerajaan Negeri Melaka

Kerajaan Negeri Melaka mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan surplus semasa berjumlah RM16.1 juta berbanding surplus berjumlah RM18.1 juta pada tahun 2019 seperti di Jadual 6.5.

Jadual 6.5 Surplus/defisit Kerajaan Negeri Melaka, 2019-2020

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2019	2020	RM juta	%
Hasil	419.1	392.9	-26.2	-6.3
Perbelanjaan mengurus	401.0	376.7	-24.3	-6.1
Surplus/defisit	18.1	16.1	-1.9	-10.7

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia


PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MELAKA



MELAKA TENGAH
mempunyai **dua PBT** iaitu
MB Melaka Bersejarah
dan **MP Hang Tuah Jaya**



MB MELAKA BERSEJARAH
merekodkan
pendapatan **tertinggi**
pada tahun 2020 iaitu
RM218.8 juta



Petunjuk:



Jumlah penduduk 2020 ('000)



Pihak berkuasa tempatan



Pendapatan PBT 2020

Nota:

- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
- Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran

8.4%

Peningkatan
pendapatan
keseluruhan PBT
Melaka pada
tahun 2020

**RM218.8 juta**

Pendapatan
MB Melaka
Bersejarah
pada tahun 2020

Pihak berkuasa tempatan Melaka

Pada tahun 2020, keseluruhan pendapatan pihak berkuasa tempatan di Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus berbanding pada tahun 2019. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM218.8 juta meningkat sebanyak RM25.4 juta. Dari sudut prestasi kedudukan kewangan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah juga merekodkan surplus sebanyak RM29.6 juta berbanding RM21.8 juta pada tahun 2019. Surplus ini merupakan surplus terbesar diantara kesemua PBT di Melaka.

Dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Alor Gajah merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan peningkatan sebanyak RM7.2 juta atau 16.4 peratus daripada RM43.7 juta kepada RM50.9 juta pada tahun 2020.

Disamping itu, Majlis Perbandaran Jasin juga menunjukkan kenaikan dalam pendapatan sebanyak 2.5 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya merekod pengurangan berjumlah RM3.2 juta iaitu daripada RM90.1 juta pada tahun 2019 kepada RM86.9 juta pada tahun 2020. Ketiga-tiga majlis perbandaran tersebut mencatatkan defisit kewangan pada tahun 2020 iaitu Majlis Perbandaran Jasin sebanyak RM3.4 juta, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya RM6.9 juta dan Majlis Perbandaran Alor Gajah berjumlah RM7.3 juta. Defisit yang direkodkan oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah merupakan defisit terbesar bagi PBT di Melaka.

Jadual 6.6 Kedudukan kewangan PBT Melaka, 2019-2020 - RM juta

Pihak berkuasa tempatan	2019			2020		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit
MB Melaka Bersejarah	193.4	171.7	21.8	218.8	189.2	29.6
MP Hang Tuah Jaya	90.1	79.2	10.9	86.9	93.8	-6.9
MP Alor Gajah	43.7	56.0	-12.3	50.9	58.2	-7.3
MP Jasin	33.0	33.3	-0.3	33.8	37.2	-3.4
JUMLAH	360.2	340.2	20.1	390.4	378.4	12.0


Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Melaka

Sebahagian daripada pendapatan PBT di Melaka diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran ke atas penduduk. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai ini dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Sehingga akhir tahun 2020, PBT di Melaka secara keseluruhan telah mengutip cukai taksiran berjumlah RM231.7 juta berbanding RM232.1 juta pada tahun sebelumnya. Penyumbang utama bagi kutipan hasil cukai taksiran dicatatkan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dengan sumbangan sebanyak 65.0 peratus dari kesemua PBT di Melaka. Pada tahun 2020, hanya satu PBT menunjukkan pengurangan dalam jumlah kutipan hasil cukai taksiran iaitu Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan peratusan pertumbuhan kutipan menurun sebanyak negatif 7.6 peratus daripada RM52.2 juta kepada RM48.3 juta pada tahun 2020.

Sementara itu, tiga PBT yang lain merekodkan peningkatan dalam kutipan hasil cukai taksiran. Kadar pertumbuhan kutipan tertinggi dicatatkan oleh Majlis Perbandaran Jasin dengan meningkat 11.6 peratus iaitu sebanyak RM11.1 juta. Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah juga mencatatkan peningkatan iaitu Majlis Perbandaran Alor Gajah sebanyak RM21.7 juta (2019: RM20.7 juta) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah RM150.6 juta (2019: RM149.2 juta) dengan masing-masing berkembang sebanyak 4.8 peratus dan 1.0 peratus.

Carta 6.10 Hasil cukai taksiran PBT Melaka, 2019-2020



Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Melaka

RM231.7 juta

Hasil
cukai taksiran
Melaka
pada tahun
2020



RM48.3 juta

Hasil cukai taksiran
MP Hang Tuah Jaya
pada tahun
2020

• **NOTA TEKNIKAL**

• **AKAUN NEGARA**

• **INDEKS HARGA PENGGUNA**

• **PENDUDUK**

• **TENAGA BURUH**

• **STATISTIK SISWAZAH**

• **MIGRASI**

• **PELANCONGAN DOMESTIK**

• **STATISTIK PERDAGANGAN**

BAB

7



AKAUN NEGARA

KONSEP

1. PENGENALAN

DEFINISI

Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penerbitan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2015 bagi tahun 2015 hingga 2021 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. KONSEP KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menumpu kepada kaedah pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

2.1 Pendekatan pengeluaran

KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan ditambah dengan duti import. Perbezaan antara output kasar dengan penggunaan perantaraan adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat

AKAUN NEGARA

KONSEP

DEFINISI

kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain pusat kepentingan ekonomi utama (2008 SNA).

2.2 Pusat kepentingan ekonomi utama

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau lain-lain premis. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

Berdasarkan 2008 SNA, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (negeri Supra).

2.3 Negeri Supra

Negeri Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, negeri Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

AKAUN NEGARA

KONSEP

2.4 KDNK pada harga malar

DEFINISI

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

